

Pergerakan Penduduk
Huraian Dan Analisa
Satu Kes Di Kampung
Bacing Hilir, Senggeng

ANUAR MAARUF

UNTUK AYAHKU
YANG ABADI DI RANTAU

Hidup di dunia adalah
ibarat suatu perantauan - MUHAMMAD

PERGERAKAN PENDUDUK : HUKAIAN DAN ANALISA

DATU 'CASE' DI KAMPUNG DACING HILIR

LENGGONG, NEGARI SINGAPORE

Orhalim HJ Ibrahim
Pensyarah
Kementerian Sains Kemasyarakatan
Kulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia
13400 UPM Serdang, Selangor D. E.

ANUAR MAARUP

LATIHAN ILMIAH INI DI KEMUKAKAN KEPADA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI

MEMPENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA

SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH

SARJANA MUDA KEPUJIAN

DALAM BIDANG

ILMU ALAM

KANDUNGAN

Muka surat

Kandungan		iii
Senarai Jadual	Orhalim Hj Ibrahim	v
Senarai Rajah	Insyarah	vi
Sinopsis	Abatan Sains Kemasyarakatan Kulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia	vii
Penghargaan	3400 UPM Serdang, Selangor D. E.	ix

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1.	Pengenalan	1
1.2.	Hasil Kajian Empirikal Mengenai Perpindahan di Malaysia.	2
1.3.	Tujuan Kajian	5
1.4.	Kawasan Kajian dan Data	6

BAB DUA POLA PERPINDAHAN PENDUDUK KAMPUNG DACING HILIR

2.1.	Latarbelakang Responden	11
2.2.	Pergerakan Responden pada masa yang lalu	16
2.2.1.	Ciri-ciri dan Struktur Umum Pergerakan.	17
2.2.2.	Tempoh di Rantau	20
2.2.3.	Perpindahan dari Aspek Ruang dan Masa	22
2.2.4.	Rantau Responden	25
2.2.5.	Ragam Merantau	27
2.3.	Sebab-sebab Merantau	32
2.4.	Pergerakan Responden Pada Masa Hadapan	37
2.5.	Ahli-ahli yang tidak hadir -	

2.5.2. Destinasi Ahli Keluarga yang tidak hadir.	42
2.5.3. Ketidakhadiran dan Penghidupan di Desa	47

BAB TIGA PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

3.1. Perbincangan dan hasil kajian	56
3.2. Rumusan	58
3.3. Cadangan Untuk Kajian Masa Depan	59

Lampiran I	61
Lampiran II	72
Lampiran III	77
Lampiran IV	78
Bibliography dan Rujukan	79.

SENARAI JADUAL-JADUAL

Muka surat

Jadual 1.4.1.	Banci Penduduk Mukim Lenggeng, Negeri Sembilan	7
Jadual 2.1.1.	Responden Mengikut Umur dan Jantina	11
Jadual 2.1.2.	Tempat Kelahiran Ketua Keluarga	12
Jadual 2.1.3.	Pendapatan Ketua Keluarga Di Kampung Dacing Hilir.	14
Jadual 2.1.4.	Milikan Tanah di Kalangan Responden	15
Jadual 2.2.1.	Perpindahan Ketua-Ketua Keluarga	16
Jadual 2.2.2.	Perpindahan Responden Mengikut Umur	19
Jadual 2.2.3.	Perpindahan Mengikut Status	20
Jadual 2.2.4.	Tempoh Perpindahan Responden	21
*Jadual 2.3.1.	Sebab-sebab Perpindahan	32(a)
Jadual 2.3.2.	Pergerakan Mengikut Harta Tanah	33(a)
Jadual 2.4.1.	Perpindahan Masa Depan Responden	37
Jadual 2.5.1.	Taburan Penduduk Kampung Dacing Mengikut Umur.	41
Jadual 2.5.2.	Perpindahan Ahli Keluarga Yang Tiada Hadhir	44
Jadual 2.5.3.	Pekerjaan Ahli Keluarga Yang Tiada Hadhir	45
*Jadual 2.6.1.	Tempat Bekerja Yang Di Sukai Oleh Responden Yang Bakal Berhenti Sekolah	54
Lampiran III.	Destinasi Perpindahan Mengikut Negeri dan Petempatan	77
Lampiran IV	Destinasi Ahli Keluarga Yang Tidak Hadhir Mengikut Negeri dan Bandar.	78

SENARAI RAJAH-RAJAH

Muka surat

1.4.1.	Letakan Kawasan Kajian	selepas muka surat 6
2.2.1.	Ruang Pergerakan Responden Sebelum dan Selepas Perang	24
2.2.2.	Destinasi Perpindahan Ketua Keluarga	26
2.5.1.	Penduduk Kampung Dacing Hilir Mengikut Struktur Umur.	41
*2.5.2.	Destinasi Ahli Keluarga Yang Tidak Hadhir	43
2.5.3.	Ruang Pergerakan Ahli Yang Tidak Hadhir	46

SINOPSIS

Di negara yang sedang membangun urbanisasi membawa banyak kesan. Di antaranya ialah penghijrahan dari desa ke bandar. Pergerakan yang sedemikian didapati berlaku di kalangan penduduk Kampung Dacing yang terdiri dari suku Minangkabau. Hampir setengah dari jumlah penduduk Kampung Dacing telah keluar merantau. Sebilangan besar dari mereka pergi merantau sebab kemiskinan. Walau bagaimana pun pergerakan mereka itu hanya sementara kerana apabila mencapai umur persaraan mereka kembali ke kampung halaman asal. Perpindahan oleh golongan muda yang bertenaga itu didapati mendatangkan kesan negatif terhadap gerak-kerja ekonomi dan pembangunan di kampung itu. Jika fenomena ini berlaku secara meluas ia boleh mendatangkan kesan buruk terhadap rancangan pembangunan kawasan desa dan meluputkan fungsi desa-desa dalam ekonomi nasional. Ia juga akan mendatangkan kesan buruk kepada perkembangan bandar dan menambah lagi masalah di bandar yang memang sudah sedia banyak itu. Adalah dipercayai bahawa pembangunan wilayah yang lebih seimbang akan dapat mengurangkan kadar perpindahan dari desa ke bandar yang tinggi itu.

SYNOPSIS

In developing countries urbanization has taken many forms. One of them is the rural-urban migration. Such movement is found amongst the Minangkabau settlers of Kampung Dacing leaving this village with a high rate of absenteeism amounting to nearly one half of the total population. A majority of the migrants left the village for the towns and the more developed areas of the country because of poverty. The destinations offer them the opportunity to lead a better life. However this flight from the village is temporary in nature on the part of the migrants for on retirement they return to their home village. This movement involves the younger and able portion of the population, and is therefore a liability to the village of origin because it affects the economic activities and development of the village hence rural areas. If this phenomenon is widespread it could also nullify the functions of villages in the national economy. It could also have serious repercussions on the development of urban centres for it could inflate the already serious problems in those centres. A more balanced approach to regional development is suggested to help reduce the high rate of rural urban migrations.

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan terimakasih yang tiada terhingga kepada penyelia-penyelia saya iaitu Encik Abdul Samad bin Abdul Hadi dan Puan Asmah Ahmad kerana tunjuk ajar dan nasihat mereka yang tidak ternilai dalam membantu saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Terimakasih juga saya ucapkan kepada semua kakitangan Jabatan Ilmu Alam, penduduk-penduduk Kampung Dacing Hilir khususnya kepada Encik Rosli, Ketua Kampung Dacing yang banyak memberi bantuan dan kerjasama serta mengorbankan masa mereka yang amat berharga untuk tujuan ini.

ANUAR M.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN

Malaysia sedang mengalami proses urbanisasi yang pesat pada masa sekarang. Bermula dari kejayaan pertanian dan perlombongan yang dijalankan secara besar-besaran oleh penjajah Inggeris, bandar-bandar terus berkembang dan bertambah dari segi bilangan dan jumlah penduduk pada kadar yang tinggi (Hamzah 1962; McGee 1967, 1971; Ooi, 1975). Perpindahan manusia dari desa ke bandar yang dianggap sebagai faktor yang paling utama menyebabkan pertambahan penduduk bandar (Hauser, 1957; McGee, 1965, 1971) merupakan bidang kajian yang popular pada masa kini dalam usaha memahami sepenuhnya interaksi urbanisasi dengan fenomena sosial, ekonomi dan demografi itu.

Kadar perpindahan yang kian bertambah tinggi itu dapat dijelaskan dengan faham 'tarikan' oleh bandar-bandar dan 'tolakan' oleh desa-desa. Oleh kerana aktiviti ekonomi dan pembangunan berpusat di bandar-bandar dengan sendirinya bandar-bandar menawarkan peluang ekonomi yang lebih baik dan menarik lebih ramai penduduk dari kawasan lain. Sebaliknya desa yang kurang aktif dan terbiar tidak lagi mampu menanggung bilangan penduduk yang terus menerus

bertambah. Kesempitan hidup di desa 'menolak' ramai penduduk keluar untuk mencari penghidupan yang lebih baik. Di samping itu pula kesedaran politik yang memandang 'hegemony' ekonomi oleh sesuatu kaum tertentu khususnya kaum pendatang yang menduduki bandar-bandar menggalakkan penghijrahan ke bandar dalam usaha menyusun semula masyarakat supaya kaum bumiputra yang dulunya tinggal sepi di desa-desa tidak terlibat dengan ekonomi kolonial bergerak atau berpindah ke bandar-bandar dan lain-lain kawasan yang dimajukan supaya beroergas bersama-sama dengan kaum-kaum lain dalam bidang-bidang perusahaan, perdagangan dan perniagaan (Malaysia, 1973; Fryer, 1974; Syed Hussin 1965).

1.2. HASIL KAJIAN EMPIRIKAL MENGENAI PERPINDAHAN DI MALAYSIA

Kajian mengenai berbagai aspek perpindahan memang sudah banyak dijalankan. Pada dasarnya kajian itu berorientasikan 'model-model' yang di bina di Barat yang menekankan perkembangan penduduk bandar dalam konteks urbanisasi. Kajian-kajian yang telah dijalankan di Malaysia (Hamzah, 1962; McGee, 1967; 1971; Mazidah, 1973; Katiman, 1974) memperlihatkan kesajajaran dengan ciri-ciri umum yang kedapatan di Barat. Ciri-ciri itu dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Bandar-bandar yang lebih besar mempunyai lingkungan pengaruh yang lebih luas dan menarik penduduk yang lebih ramai.
- ii. Golongan yang paling cenderung untuk berpindah berada

- dalam lingkungan umur antara 15 - 35 tahun dengan kadar jantung berubah-ubah mengikut masa dan tempat.
- iii. Perpindahan biasanya jarak dekat dan bertingkat-tingkat, bermula dari bandar yang kecil ke arah bandar yang lebih besar.
 - iv. Perpindahan kebanyakannya disebabkan oleh faktor ekonomi.

Kajian-kajian itu juga memperlihatkan ciri-ciri khusus mengenai perpindahan rantau ini. McGee (1974) mendapati kadar perpindahan itu umumnya lebih tinggi daripada kadar di Eropah pada tingkat pembangunan yang sama. Lee (1972) pula mendapati kaum bumiputra adalah lebih suka berpindah daripada kaum-kaum lain. Mokhtar (1972) mendapati bahawa di Indonesia suku Minangkabau adalah yang paling suka berpindah berbanding dengan suku-suku lain di negara itu. Suku Minangkabau itu yang terkenal dengan sistem Adat Perpatih (Joselin de Jung, 1952) amat suka merantau iaitu meninggalkan kampung untuk mencari nafkah, pengetahuan atau kemahiran dengan azam akan kembali semula ke kampung asal. Suku ini pula merupakan asal sebahagian besar daripada penduduk Negeri Sembilan (Abdul Samad 1968). Di Sumatra Barat fenomena 'merantau' menyebabkan kawasan itu kehilangan tenaga muda terutamanya kaum lelaki yang mempunyai kemahiran dan pendidikan hingga meninggalkan kesan buruk dari segi politik dan sosial pada kawasan asal.

Dari aspek ruang, Pryor (1974) seorang penulis yang produktif dalam bidang ini telah membuat analisa yang menarik mengenai perpindahan dalam negeri di Malaysia Barat. Antara lain

beliau mendapati bahawa :

- i. Penduduk negeri Selangor berkembang paling cepat dengan taburan semula penduduk kearah pemusatan (convergence) yang positif. Didapati juga Negeri Sembilan adalah salah satu daripada negeri-negeri yang mengalami pengurangan penduduk melalui perpindahan.
- ii. Selangor, iaitu negeri yang telah mencapai tingkat urbanisasi yang paling tinggi dan tempat terletakinya pusat pembangunan utama adalah juga negeri yang menerima kemasukan orang luar paling ramai; sebahagian besar daripadanya masuk menuju ke ibu negara Kuala Lumpur.
- iii. Bilangan dan jarak perpindahan bertambah mengikut masa dan tingkat pembangunan. 'Mobiliti' menjadi rangkap (function) kepada peluang-peluang yang diketahui dan berkait rapat dengan urbanisasi dan metropolitanisasi.

Kajian-kajian yang telah dijalankan di Malaysia menekankan kepada bandar-bandar dan melihat dari mana perpindahan berpunca. Walaupun kajian itu berguna untuk tujuan tertentu tetapi ia tidak lengkap untuk memperlihatkan keadaan yang sebenarnya yang telah mencetuskan perpindahan dari kawasan asal (origin) iaitu desa. Ia juga tidak dapat menunjukkan kesan-kesan perpindahan keatas kawasan asal dan penyesuaian-penyesuaian yang di buat akibat daripada perpindahan itu.

Kekurangan kedua timbul dari kecenderungan kebanyakan pengkaji yang menggunakan nilai dan asas pemikiran Barat dalam kajian mereka. Nilai-nilai kebudayaan Barat digunakan sebagai

ukuran untuk menilai kebudayaan asing seperti kebudayaan Orang Melayu (Bumiputra) yang beragama Islam. Faham modenisasi dan urbanisasi Barat dikenakan juga pada mereka (Pryor 1971; Fryer, 1974) walaupun ukuran-ukuran itu tidak layak dikenakan kepada penganut-penganut Islam (Al-attas 1972).

Disamping itu perpindahan dari kacamata Barat di fahami sebagai perubahan tempat tinggal dari satu daerah ke daerah lain untuk selama-lamanya (Bogue, 1969). Walaupun perpindahan seperti ini banyak berlaku di Malaysia namun dalam keadaan yang sebenarnya terutamanya di kalangan kaum Bumiputra perpindahan selalu sahaja berbentuk sementara seperti yang ditunjukkan oleh fenomena 'merantau' di kalangan suku Minangkabau dan mereka yang berpindah akan balik ke kampung asal semula.


1.3. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat perpindahan Bumiputra dari perpektif kampung dalam usaha memperolehi bukti-bukti empirik mengenai fenomena perpindahan di kalangan penduduk desa. Ia akan cuba mengukur bilangan (jumlah), arah, pola, ciri-ciri dan sebab-sebab berlakunya perpindahan dan kesannya kepada manusia dan ruang serta implikasinya dalam pembangunan negara. Ia juga akan menelit penyesuaian-penyesuaian yang dibuat untuk mengatasi masalah yang timbul. Secara khusus kajian ini akan melihat fenomena 'merantau' yang dikatakan banyak berlaku dikalangan masyarakat Minangkabau it

1.4. KAWASAN KAJIAN DAN DATA.

Kajian ini dijalankan di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng, iaitu sebuah kampung kecil yang terpenoil di Negeri Sembilan. Ia terletak kira-kira 15 batu ke utara pekan Seremban pada suatu lembah kecil berhampiran dengan kaki bukit bahagian barat Banjaran Titiwangsa yang menjadi tulang belakang Semenanjung Malaysia (Rajah 1.4.1). Kampung ini meliputi kawasan kira-kira satu perpu-luhan lima batu persegi. Pada keseluruhannya kawasanya adalah rata dan tingginya tidak melebihi 200 kaki dari paras laut. Ia disalurkan oleh Sungai Beranang yang mengalir menemui Sungai Langat sebelum ke Selat Melaka.

Mukim Lenggeng terletak dalam kawasan bijih dan getah Semenanjung Malaysia (Ooi, 1963; Fryer, 1974). Kemajuan perlo-m-bongan dan pertanian ladang membawa bersama pembinaan selirat jalanraya yang memberikan 'access' yang tinggi. Kawasan kajian ini juga hampir dengan Lembah Kelang, satu kawasan perindustrian yang termaju di Malaysia. Tan (1966) mendapati ia dalam lingkungan pengaruh Ibu negara Kuala Lumpur yang terletak cuma 27 batu dari kampung ini. Negeri Sembilan, negeri tempat kampung ini terletak, sedang membangun dengan pesatnya dalam bidang perindustrian yang berpusat di Seremban. Rancangan tanah Felda (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan) juga dibuka di seluruh negeri untuk meningkatkan kemajuan pertanian.



Kampung ini dipilih kerana ia mempunyai beberapa keistimewaan. Umpamanya hampir semua penduduk di kampung ini berasal dari suku Minangkabau yang memang sudah terkenal suka merantau. Banci penduduk yang dijalankan pada tahun 1957 dan tahun 1970 menunjukkan bahawa penduduk di Mukim Lenggeng telah bertambah sedikit (Jadual 1.4.1). Angka-angka itu juga menunjukkan pertambahan penduduk orang Melayu di Mukim itu amat kecil; hanya seramai 245 orang (empat perpuluhan satu peratus) dalam masa 13 tahun. Satu angka yang terlalu kecil bagi mana-mana kaum dalam negara yang sedang membangun. Jadual itu juga menunjukkan bilangan wanita yang jauh lebih ramai daripada lelaki bagi kedua-dua tahun banci. Besar kemungkinan keadaan ini disebabkan oleh perpindahan keluar kaum lelaki.

JADUAL 1.4.1
BANCI PENDUDUK MELAYU MUKIM LENGGENG
NEGARA SEMPILAN

	1957	1970	pertambahan
Lelaki	2852	3041	189 (6.6 %)
Wanita	3126	3182	56 (1.8%)
Jumlah	5978	6223	245 (4.1%)

- Sumber: 1) Chandler, Banci Penduduk dan Perumahan, 1970, (Jabatan Perangkaan Malaysia), (1971).
11) Jabatan Perangkaan Persekutuan Tanah Melayu (1957), Banci Penduduk dan Perumahan 1957.

DATA

Data untuk kajian ini diperoleh melalui kaji-lidik yang telah dijalankan pada bulan-bulan Ogos hingga September menggunakan dua kumpulan soal selidik (lampiran I dan II). Kumpulan pertama dirujuk kepada ketua keluarga dan pemuda-pemuda dalam lingkungan umur 21 - 35 tahun. Di antara perkara-perkara yang disentuh ialah mencatatkan segala perpindahan yang telah dilakukan oleh responden. Dalam hal ini perpindahan ditakrifkan sebagai perubahan tempat tinggal keluar daripada Kampung Dacing Hilir pada jangka masa melebihi dua bulan. Perkara-perkara seperti tarikh, umur, tempoh dan status pada masa itu juga dicatatkan. Responden juga diminta memberikan sebab-sebab mereka telah berpindah (jika ada) dan sebab mereka pulang ke kampung, serta cita-cita mereka pada masa yang akan datang samada mereka akan berpindah lagi atau tidak. Perpindahan yang dilakukan oleh ahli keluarga mereka juga dicatatkan. Ini akan memberikan bilangan penduduk kampung ini yang telah keluar ataupun 'column' perpindahan dari kampung ini pada masa sekarang.

Di samping ketua-ketua keluarga soal selidik ditujukan juga kepada pemuda-pemuda kampung itu. Bahagian ini berguna untuk melihat sejauhmana sikap terhadap perpindahan telah berubah atau berbeza dari ketua keluarga. Ia juga digunakan sebagai semakan semula (counter-check) kepada beberapa butir-butir yang telah di-

berikan oleh ketua keluarga.

Kumpulan kedua soal-selidik ditujukan kepada murid-murid dari kampung itu yang bakal berhenti sekolah. Di samping mengetahui latar belakang diri, mereka juga disoal akan kerja dan tempat yang mereka minati iaitu satu cara yang membolehkan beberapa kesimpulan dibuat mengenai kemungkinan destinasi mereka pada masa yang akan datang, iaitu selepas berhenti sekolah. Golongan responden yang ketiga ini akan memberikan gambaran tentang perpindahan pada masa akan datang.

Selain daripada data yang diperolehi melalui soal-selidik data dari hasil penyelidikan dan hasil penulisan yang telah dibuat juga digunakan. Temuduga juga diadakan dengan ketua masyarakat kampung ini, datuk penghulu dan pegawai yang berkenaan yang difikirkan dapat menolong memberikan maklumat untuk kajian ini.

Segala temuduga telah dijalankan oleh penulis sendiri. Beberapa masaalah kecil telah ditemui seperti kesukaran menemui responden. Sebahagian besar daripada mereka ditemuduga pada sebelah petang atau bila hari hujan pada sebelah pagi. Tiap-tiap satu temuduga terpaksa memakan masa yang agak lama. Penulis juga menemui kesulitan responden mengingat kembali tarikh, umur dan perpindahan masa lampau yang boleh mengurangi ketepatan data. Masaalah ini diatasi dengan membuat semakan dengan kawan-kawan mereka, isteri atau anak-anak mereka dimana-mana yang sesuai. Penulis juga menemui sedikit kesulitan menemui semua ketua keluarga kerana dari 41

keluarga yang terdapat di kampung itu hanya 34 sahaja yang benar-benar menetap di sana dan dapat ditemui. Tujuh keluarga tidak dapat ditemui kerana semasa kajian ini dijalankan mereka tidak mendiami rumah mereka di kampung itu kerana tinggal di luar, tempat ketua keluarga mereka bekerja. Bagaimanapun jiran mereka masih menganggap mereka sebagai penduduk kampung itu kerana mereka selalu pulang mendiami rumah-rumah mereka semasa mereka bercuti. Oleh itu untuk tujuan kajian ini mereka dianggap sebagai penduduk tetap kampung itu. Mereka dianggap sebagai penduduk yang tiada hadir.

Di samping itu ada juga ketua kepada keluarga yang menetap di kampung itu yang tiada dapat ditemui kerana bekerja dan tinggal di luar Kampung Dacing Hilir dan hanya pulang sekali dalam beberapa bulan. Dalam hal yang demikian isteri kepada ketua keluarga itu ditemuduga sebagai ganti ketua keluarga yang sebenar.

BAB DUA

POLA PERPINDAHAN RESPONDEN KAMPUNG DACING HILIR

2.1. LATARBELAKANG RESPONDEN

Kesemua 34 orang ketua keluarga atau penggantinya telah ditemuduga. Mereka terdiri daripada 26 orang lelaki (76.0 peratus) dan lapan orang (24.0 peratus) wanita. Dari jumlah itu lapan orang berumur di bawah 40 tahun dan selebihnya berumur 41 tahun ke atas. Tujuh orang berumur lebih daripada 66 tahun dan dua orang berumur 25 tahun ke bawah (Jadual 2.1.1). Ini menunjukkan lebih tiga-

JADUAL 2.1.1

RESPONDEN MENGIKUT UMUR DAN JANTINA

UMUR (tahun)	Lelaki	BILANGAN Wanita	Jumlah
Lebih 66	5	2	7 (20.5%)
61 - 65	2	-	2 (5.9 %)
56 - 60	1	2	3 (8.8. %)
51 - 55	3	2	5 (14.7 %)
46 - 50	5	-	5 (14.7 %)
41 - 45	4	-	4 (11.8 %)
36 - 40	1	1	2 (5.9. %)
31 - 35	2	-	2 (5.9 %)
26 - 30	1	1	2 (5.9 %)
21 - 25	2	-	2 (5.9 %)
	26	8	34 (100.0%)

perempat daripada responden boleh digolongkan sebagai 'tua'.

Daripada lapan orang responden wanita itu lima orang adalah janda dan tiga orang mempunyai suami yang duduk di tempat kerja di luar Kampung Dacing Hilir.

Tempat asal responden pula didapati tidak sama. Hampir separuh daripada mereka (16 orang) telah dilahirkan di kawasan sekitar tiga batu dari kampung itu seperti Beranang dan Lenggeng. Bakinya dilahirkan di kawasan 'luar' yang lebih jauh iaitu seorang di Jenderam, Selangor, dan tujuh orang di Sumatra (Jadual 2.1.2). Mereka yang telah dilahirkan di Sumatra itu didapati pula berasal dari kampung yang sama iaitu Bonjol di Tanah Tinggi Minangkabau.

JADUAL 2.1.2

TEMPAT KELAHIRAN KETUA KELUARGA

Nama Tempat	Bilangan	Peratus
Kampung Dacing Hilir	16	47.1
Beranang	8	23.5
Lenggeng	2	5.9
Jenderam	1	2.9
Sumatra	7	20.6
	34	100.0

(Sumber : Kajilidik Ogos - September 1975)

Dari segi pendidikan pula didapati 22 orang (64.7 peratus) hanya menerima pelajaran sekolah rendah. Empat orang telah menghadiri sekolah agama (pondok) dan hanya dua orang iaitu responden yang ter-muda mendapat didikan sekolah menengah. Bakinya (enam orang) adalah buta huruf, kesemuanya wanita. Pelajaran yang rata-rata rendah di kalangan responden ini pada hakikatnya adalah biasa di kalangan jenerasi tua kerana kemudahan sekolah menengah memang terhad pada masa itu.

Sebahagian besar daripada penduduk Kampung Dacing Hilir (28 orang) bekerja sebagai petani mengusahakan kebun kecil getah dan sawah. Dari jumlah itu enam orang adalah bekas anggota pasukan keselamatan yang telah bersara atau berhenti kerja kerana sudah cukup tempoh perkhidmatan. Selebihnya tiga orang bekerja sebagai buroh di ladang estet yang berhampiran, dua orang bekerja sebagai peniaga dan seorang bekerja sebagai guru sekolah. Pendapatan mereka didapati rata-rata rendah; 29 orang berpendapatan kurang daripada 200 ringgit sebulan. Hanya seorang sahaja yang berpendapatan lebih daripada 400 ringgit sebulan (Jadual 2.3.1). Bagaimanapun lebih daripada separuh (18 orang) mendapat kurang daripada 100 ringgit sebulan.

JADUAL 2.1.3

PENDAPATAN KETUA KELUARGA DI KAMUNG

DACING HILIR

Pendapatan Sebulan (\$)	Bilangan	Peratus
1 - 100	18	52.9
101 - 200	11	32.4
201 - 300	3	8.8.
301 - 400	1	2.9
401 - 500	1	2.9
	34	99.9

(Sumber : Kajilidik Ogos - September 1975).

Kemiskinan di kalangan responden jelas kelihatan jika kita memerhatikan juga pemilikan tanah di kalangan mereka (Jadual 2.1.4). Di kalangan petani-petani tanah tentulah merupakan satu-satunya milikan yang amat berharga. Tetapi 21 orang (61.8 peratus) daripada responden memiliki kurang daripada dua ekar tanah tanii tiap-tiap seorang. Sembilan orang memiliki tanah antara dua ke empat ekar dan hanya dua orang sahaja yang memiliki tanah yang bernaiiz ekonomik yakni melebihi lapan ekar untuk menyara keluarga mereka.

JADUAL 2.1.4

MILIKAN TANAH DI KALANGAN RESPONDEN

Luas Tanah (ekar)	Bilangan	Peratus
0.1 - 2.0	6	17.6
2.1 - 5.0	15	44.1
5.1 - 10.0	2	5.9
Melebihi 10.1	1	2.9
	24	70.5
Tiada milik langsung	10	29.5
	34	100.0

(Sumber : Kajilidik Ogos - September 1975).

2.2. PERGERAKAN RESPONDEN PADA MATA YANG LAJU

Kajian yang telah dijalankan memang menunjukkan penduduk Kampung Dacing Hilir amat lincah berpindah (mobile). Data yang diperolehi mengenai responden (ketua keluarga) menunjukkan 26 orang (76.5 peratus) telah pernah berpindah. Dari jumlah itu 18 orang (52.9 peratus) telah berpindah sebanyak tiga kali atau lebih. Hanya tujuh orang yang tidak pernah berpindah semenjak mereka dilahirkan dan dua orang sahaja yang berpindah sekali sahaja (Jadual 2.2.1).

JADUAL 2.2.1

PERPINDAHAN KETUA-KETUA KELUARGA

Kekerapan Berpindah	Lelaki	Bilangan Wanita	Jumlah	Peratus
0	4	3	7	20.6
1	1	1	2	5.9
2	4	3	7	20.6
3	4	1	5	14.7
4	5	-	5	14.7
5	4	-	4	11.8
6	1	-	1	2.9
7	-	-	-	-
8	1	-	1	2.9
9	2	-	2	5.9
	26	8	34	100.0

2.2.1 CIRI-CIRI DAN STRUKTUR UMUM PERGERAKAN

Meneliti Jadual 2.2.1 dengan lebih mendalam beberapa ciri-ciri umum akan dapat diketahui mengenai perpindahan responden pada masa-masa yang lalu. Dari jadual itu ternyata responden lelaki pada keseluruhannya melakukan pergerakan paling banyak. Dari jumlah 26 orang responden lelaki 22 orang adalah 'mobile', dengan 21 orang (95.4 peratus) telah berpindah lebih daripada dua kali sejak mereka dilahirkan. Sebaliknya dari sejumlah lapan orang responden wanita tiga orang tidak pernah bergerak semenjak mereka dilahirkan dan mereka itu bolehlah dianggap sebagai 'stayer'. Dari jumlah lima orang yang sudah pernah bergerak itu pula seorang telah bergerak hanya sekali semenjak ia dilahirkan dan empat orang telah bergerak lebih dari dua kali.

Pada keseluruhannya hitung panjang pergerakan yang telah dilakukan oleh responden (34 orang) ialah tiga perpuluhan dua pergerakan seorang. Kalau purata dihitung menurut jantina didapati setiap orang lelaki bergerak (berpindah) sebanyak tiga perpuluhan lapan pergerakan seorang berbanding dengan satu perpuluhan dua (lima) pergerakan bagi tiap-tiap wanita. Di kalangan responden yang 'mobile' pula setiap orang didapati telah berpindah empat perpuluhan satu kali. Responden lelaki yang 'mobile' telah membuat empat perpuluhan lima perpindahan seorang dan responden wanita yang 'mobile' didapati telah melakukan dua perpindahan seorang.

Dari aspek yang lain pergerakan itu dapat dibahagikan kepada tiga bahagian mengikut umur iaitu kumpulan umur kanak-kanak (0 - 15 tahun); kumpulan umur muda (16 - 35 tahun) dan kumpulan umur tua (lebih 36 tahun). Di antara kumpulan itu didapati kekerapan berpindah yang paling tinggi telah berlaku di kalangan responden dalam kumpulan umur muda. Meneliti Jadual 2.2.2 didapati dari jumlah 110 perpindahan 75 daripadanya (68.2 peratus) dilakukan oleh kumpulan muda. Kumpulan kanak-kanak hanya melakukan 13 perpindahan (11.8 peratus) dan kumpulan umur tua pula melakukan 22 perpindahan (20.0 peratus) dari jumlah pergerakan. Jika taburan kekerapan perpindahan itu ditunjukkan pada suatu graf ia hampir-hampir akan membentuk satu lengkok 'normal' dengan puncaknya berada pada kumpulan umur 21 - 25 tahun. Dari segi yang lain didapati 97 perpindahan dilakukan oleh responden yang berumur lebih 15 tahun, takat umur apabila responden mulai bergerak secara persendirian. Ia bermakna juga 97 perpindahan itu telah berlaku dalam jumlah jangka-masa 1270 tahun untuk semua responden, menunjukkan bahawa setiap perpindahan telah berlaku dalam masa 13.9 tahun. Di kalangan responden yang 'mobile' sahaja didapati tiap-tiap perpindahan dilakukan dalam masa 10.3 tahun.

JADUAL 2.2.2

PERPINDAHAN RESPONDEN MENGIKUT UMUR

Kumpulan (Umur (tahun)	Bilangan Perpindahan			Peratus
	Lelaki	wanita	Jumlah	
0 - 15	11	2	13	11.8
16 - 35	70	5	75	68.2
36	20	2	22	20.0
	101	9	110	100.0

(Sumber : Kajilidik Ogos - September 1975)

Didapati juga kekerapan perpindahan berbedza mengikut status. Kalau bilangan perpindahan semasa belum perkahwinan dibandingkan dengan perpindahan selepas perkahwinan didapati dari jumlah 110 perpindahan yang telah dilakukan 46 daripadanya (41.8 peratus) berlaku sebelum responden berkahwin (Jadual 2.2.3). Dikotomi ini menunjukkan bahawa pada keseluruhannya lebih banyak perpindahan berlaku selepas perkahwinan. Kejadian seperti ini bolehlah dikaitkan dengan tanggungjawab yang bertambah bagi lelaki yang memerlukan mereka berpindah ke tempat baru yang boleh memberikan tempat tinggal atau mata pencarian yang lebih baik. Bagi wanita pula perkahwinan selalu mengakibatkan perpindahan kerana perkahwinan bererti perubahan pimpinan dari keluarga kepada suami.

Semasa belum berkahwin didapati perpindahan bermula lebih awal daripada responden lelaki. Adalah dipercayai bahawa keadaan demikian berlaku kerana sikap keluarga yang biasanya memberikan kepercayaan lebih awal kepada anaknya yang lelaki. Mereka hanya membenarkan anak perempuan mereka keluar setelah mereka benar-benar dewasa atau sesudah mereka berkahwin. Oleh kerana umur berkahwin lebih rendah di kalangan wanita daripada lelaki maka didapati di kalangan wanita puncak berlakunya perpindahan yang paling kerap terdapat dalam lingkungan umur lebih rendah.

JADUAL 2.2.3

PERPINDAHAN MENGIKUT STATUS

Responden	Status		Jumlah	Peratus
	Bujang	Kahwin		
Wanita	2	8	10	9.1
Lelaki	44	56	100	90.9
	46	64	110	100.0

(Sumber : Kajilidik Ogos - September 1975)

2.2.2 TEMPON DI RANTAU

Tempoh di rantau yang dimaksudkan di sini ialah tempoh seseorang responden berada di tempat lain daripada kampung tempat ia menetap sekarang. Dari data yang dikumpulkan didapati tempoh

responden berada dirantau itu berbedza dari dua bulan (tempoh minima yang digunakan bagi tujuan kajian ini) hingga puluhan tahun (Jadual 2.2.4). Sebahagian besar daripada perpindahan itu (63.6

JADUAL 2.2.4

TEMPOH PERPINDAHAN RESPONDEN

Tempoh perpindahan (dalam tahun)	Bilangan Perpindahan	Peratus
0.16 - 0.5	14	18.2
0.6 - 1.0	18	23.4
1.1. - 2.0	17	22.1
2.1 - 4.0	11	14.3
4.1 - 8.0	8	10.4
melebihi 8.1	9	11.6
	77	100.0

(Sumber : Kajiilidik Ogos - September 1975)

peratus) adalah bagi tempoh kurang dari dua tahun. Kekerapan yang paling tinggi berlaku bagi tempoh antara perpuluhan enam tahun (tujuh bulan) dengan setahun. Keadaan ini menunjukkan sebahagian besar daripada responden tidak tinggal lama pada sesuatu tempat. Perlakuan yang sedemikian itu dipercayai ada kaitannya dengan pekerjaan responden. Oleh kerana sebahagian besar daripada mereka mendapat didikan sekolah rendah sahaja (82.3 peratus termasuk mereka yang tiada pernah bersekolah) pekerjaan mereka terbatas

kepada menjadi buruh kasar, petani kampung atau pekerja yang bergaji rendah. Keadaan ini menyebabkan ikatan mereka kepada sesuatu pekerjaan atau tempat tiada kuat; mereka lebih mengutamakan ganjaran yang diperolehi. Oleh itu mereka selalu sahaja berpindah dari satu tempat ke tempat lain yang lebih menguntungkan. Di kalangan petani perpindahan selalu sahaja berlaku untuk mencari tani yang lebih subur, seperti halnya dengan pergerakan ke Tanjung Karang di Selangor semasa Pemerintahan Jepun (1941 -1945) apabila bertanam padi di Kampung Dacing Hilir sendiri tiada mendatangkan hasil. Pekerja buruh kasar sentiasa bergerak pindah dan bertukar kerja jika ada tawaran gaji yang lebih lumayan. Meskipun demikian sebab-sebab ekonomi ini tiada pula sah bagi perpindahan yang kerap berlaku di kalangan anggota pasukan keselamatan yang kerap berpindah semasa bertugas pada Zaman Dharurat di Semenanjung Malaysia (1948 - 1960). Perpindahan mereka bergantung kepada keadaan keselamatan setempat.

2.2.3 PERPINDAHAN DARI ASPEK RUANG DAN MASA

Dari aspek ruang perpindahan itu boleh dibahagikan kepada:

- a) pergerakan dalam negeri iaitu perpindahan di antara tempat-tempat di Malaysia dan b) pergerakan antarabangsa iaitu pergerakan dari satu negara ke negara yang lain seperti yang telah berlaku antara negara yang sekarang dikenali sebagai Malaysia dan Indonesia. Kebanyakan pergerakan responden tergulung kedalam pergerakan jenis

yang pertama. Terdapat tujuh orang responden sahaja yang telah dilahirkan di Indonesia dan berakhir di Kampung Dacing Hilir. Bagaimanapun dalam hal ini indikotomi seperti yang dibuat di atas tidak mengandungi banyak makna kerana walaupun dari segi politik ia melibatkan dua negara yang berlainan tetapi dari segi etnik dan kebudayaan penduduk yang terlibat adalah dari suku yang sama yakni suku Minangkabau.

Dari aspek masa pula perpindahan itu boleh dijeniskan kepada : a) pergerakan peringkat awal yang berlaku antara 1900 - 1945 dan b) pergerakan selepas Perang. Pembahagian ini dianggap penting kerana masing-masing menunjukkan ciri-ciri tersendiri dan memberikan kesan yang berlainan pada ruang.

Ruang pergerakan responden meliputi kawasan yang luas. Pada peringkat awal (1900 - 1945) ia meliputi Sumatra Barat dan jeluran pantai barat Semenanjung Malaysia. Ruang itu berbentuk demikian kerana pada peringkat awal di samping perpindahan dalam negeri (ketika itu Semenanjung Tanah Melayu) perpindahan telah berlaku juga dari Sumatra Barat khususnya dari Tanah Tinggi Minangkabau. Mereka datang dari Tanah Tinggi Minangkabau (tujuh responden) untuk merantau ke 'Kelang' - nama bagi Semenanjung Malaysia di kalangan perantau Minangkabau pada waktu itu (Mokhtar, 1971). Pada peringkat awal itu juga ternyata Banjaran Titiwangsa menjadi sempadan ruang pergerakan responden di sebelah timur. Responden-responden lain yang telah sedia


mendiami pantai barat Semenanjung juga melakukan perpindahan. Pada keseluruhannya destinasi mereka tertumpu di beberapa daerah di Negeri Sembilan, dan Selangor. Dilihat lebih mendalam didapati perpindahan pada peringkat awal itu terbatas antara kelompok-kelompok petempatan orang-orang suku Minangkabau yang telah menetap di daerah-daerah Negeri Sembilan dan Selangor. (Shamsul Bahrin, 1964).

Arah perpindahan itu menunjukkan berlakunya 'perpindahan berkaitan' (chain migration). Responden mengikuti jalan yang selamat; memuju kawasan-kawasan yang sudah sedia diketahui oleh mereka atau saudara-mara atau sahabat handai mereka. Di destinasi yang baru mereka menepati saudara atau sahabat handai mereka untuk mendapatkan bekalan makanan dan perlindungan semasa tempoh penyesuaian di rantau, sebelum mereka dapat berdikari.

Sempadan ruang pergerakan itu telah berubah pula mengikut masa. Selepas Perang Dunia Kedua apabila semangat nasionalisma mulai muncul berbagai kawalan imigrasi telah mula dikuatkuasakan oleh pihak penjajah Inggeris dan Belanda masing-masing di Malaysia dan Indonesia (Jackson, 1960), yang demikian pergerakan melintasi Selat Melaka secara bebas telah berakhir. Untuk beberapa waktu ruang pergerakan responden menjadi kecil. Hanya pada tahun 1956 buat pertama kalinya satu perpindahan telah melintasi Banjaran Titiwangsa menuju Temerloh di Pahang. Sebelum itu kita lihat perpindahan terbatas di jaluran pantai barat Semenanjung Malaysia yang lebih maju

RAJAH 2.2.1

RUANG PERGERAKAN RESPONDEN SEBELUM DAN SELEPAS PERANG



dan terbangun dari bahagian-bahagian lain di Malaysia. Pemubuhan Malaysia pada tahun 1963 memperluas lagi ruang pergerakan responden. Kali ini ia bukan setakat melampau batas Banjaran Titiwangsa malahan melintasi Laut Cina Selatan menuju Malaysia Timur (Rajah 2.2.1).

2.2.4 RANTAU RESPONDEN

Rantau responden bergantung pada beberapa angkubah diantaranya pengaliran informasi, pekerjaan, umur, jantina, edaran hidup (life cycle) dan masa. Pada waktu muda apabila responden-responden cenderung untuk keluar merantau kerana tujuan ekonomi mereka akan menuju kawasan-kawasan yang dapat memenuhi kehendak mereka. Pada waktu tua pengaliran keluar itu berubah menjadi pergerakan menyonsang menghala ke kampung halaman asal mereka.

Pada peringkat awal pergerakan responden iaitu pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua bidang pekerjaan terbatas kepada pertanian dan perburuhan kasar. Dengan sendirinya mereka menuju ke kawasan pertanian yang subur dan mampu menampung penduduk yang lebih ramai dan mampu pula memberikan hasil yang lebih daripada kawasan asal. Responden-responden 'bebas' (independent) yang berasal dari Sumatra datang ke Malaysia khususnya ke Kampung Dacing Hilir untuk tujuan itu. Perpindahan keluarga juga berlaku kerana tujuan yang sama. Ia melibatkan beberapa orang responden yang datang bersama-sama keluarga mereka semasa mereka masih kecil. Menurut seorang responden, kemasukan orang Minangkabau ke Kampung Dacing Hilir telah berhenti

apabila tanah hutan untuk diterokai kehabisan kerana telah diusahakan oleh pihak Inggeris untuk dijadikan ladang-ladang estet pada sekitar tahun 1920-an.

Dalam proses memilih rantau ini jarak ternyata tidak memainkan peranan yang penting seperti yang diduga. Informasi mengenai sesuatu tempat yang hendak dituju itu didapati lebih penting dari faktor lain. Responden masih ~~mengerah~~ datang ke Kampung Dacing Hilir dari tempat yang jauh seperti Tanah Tinggi Minangkabau atau berpindah keluar dari Kampung Dacing ke tempat-tempat yang jauh seperti Kuala Kubu, Tanjung Karang di Selangor dan Pasir Besar dekat Gemas, Negeri Sembilan asal saja tempat itu sesuai dan dapat memenuhi kehendak mereka. Kesesuaian sesuatu tempat bukan sahaja bergantung pada keadaan fizikanya tetapi juga lingkungan sosialnya. Pada peringkat awal perpindahan bandar-bandar tidak menjadi destinasi yang popular kerana seperti yang dinyatakan oleh seorang tua di Kampung itu 'kebanyakan pekan pada masa itu didiami oleh orang bukan Islam dan kita tidak sesuai hidup bersama mereka'. Bagaimanapun keadaan ini sudah berubah pada waktu akhir-akhir ini dan di kalangan penduduk yang lebih muda bandar-bandar menjadi rantau sebahagian besar daripada mereka.

Jika rantau pergerakan responden dilihat mengikut negeri pula didapati pergerakan yang paling banyak ialah kearah petempatan-petempatan di Negeri Sembilan di ikuti oleh negeri Selangor (termasuk



RAJAH 2.2.2: DESTINASI PERPINDAHAN KETUA KELUARGA

Wilayah Persekutuan) dan Perak (Rajah 2.2.2). Kampung Dacing menjadi tumpuan bahagian terbesar (29.0 peratus). Keadaan ini berlaku kerana di samping menjadi destinasi pergerakan dari luar ia juga menjadi asas tempat asal (base) perantau kemana mereka akan pulang apabila sudah tua. Ia adalah sama dengan apa yang telah ditemui oleh Mabogunje (1970) bahawa di negara yang sedang membangun khususnya di Afrika pergerakan dari desa adalah berbentuk 'circular' dengan pergerakan terakhir mengarah semula menuju ke kampung asal.

2.2.5 RAGAM MERANTAU

Pergerakan responden didapati mengikut dua macam rangkaian pergerakan yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Pertama dalam proses 'merantau' perantau itu akan meninggalkan kampung asal mereka selama sesuatu tempoh tertentu dan selepas itu mereka akan kembali semula ke kampung asal. Setelah berada di kampung seketika mereka akan kembali semula merantau. Kedua seseorang perantau akan meninggalkan kampung halamannya. Dengan tiada payah berbalik ke kampung asal dia berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Rangkaian pergerakan yang pertama dikenali sebagai pergerakan 'circular' manakala yang kedua dikenali pula sebagai pergerakan 'bertingkat' (stepwise) (Bedford, 1973). Di antara kedua jenis rangkaian itu pergerakan bertingkat tidak berapa mementingkan kampung asal.

Jenis rangkaian pergerakan di kalangan responden didapati berkait rapat dengan jenis pekerjaan responden. Umpamanya x

seorang yang bekerja sebagai petani atau lain-lain kerja persendirian yang tiada memerlukan perkhidmatan yang terus menerus atau pekerjaan yang membenarkan jeda secara bebas lazimnya melakukan rangkaian pergerakan jenis 'bertingkat'. Sebaliknya responden yang terlibat dengan pekerjaan yang memerlukan perkhidmatan yang terus menerus yakni tidak membenarkan sebarang jeda dalam perkhidmatan seperti halnya dengan mereka yang berkhidmat dengan kerajaan lazimnya membentuk rangkaian pergerakan jenis 'circular'. Setelah keluar dari kampung asal mereka berpindah dari satu tempat ke lain tempat seperti yang diarahkan oleh majikan mereka tanpa berbalik semula ke kampung asal sebelum membuat perpindahan lain. Mereka hanya berbalik ke kampung asal mereka apabila perkhidmatan mereka tamat.

Namun begitu tidak semua responden yang benar-benar melakukan rangkaian pergerakan seperti yang dinyatakan di atas kerana ramai responden yang tidak berbalik ke kampung asal setelah perkhidmatan mereka tamat. Seperti yang ternyata dari tempat lahir responden (Jadual 2.1.2) tidak semua responden berbalik ke kampung tempat mereka dilahirkan. Dari jumlah 27 orang yang telah pernah berpindah keluar hanya sembilan orang sahaja (33.3 peratus) yang telah memenuhi syarat merantau yang sebenarnya iaitu berbalik ke kampung asal mereka. Dalam hal ini mereka telah dilahirkan di-Kampung Dacing Hilir, keluar merantau dan kembali semula ke Kampung

Dacing Hilir. Bakinya seramai 18 orang (66.7 peratus) walaupun sudah pernah berpindah keluar dan berakhir di kampung itu mereka berasal dari tempat lain; lapan berasal dari Beranang dan dua dari Lenggeng iaitu dua pekan yang berhampiran dengan kampung itu. Seterusnya lapan orang yang lain berasal dari tempat yang berjauhan iaitu seorang dari Jenderam, Negeri Selangor, dan tujuh orang dari Sumatra Barat.

Perlakuan di atas memang boleh dianggap sebagai satu perkara yang biasa kerana seperti yang telah ditemui juga oleh Mokhtar (1971) bahawa di kalangan masyarakat Minangkabau di Sumatra Barat memang ramai daripada perantau-perantau itu yang gagal pulang ke kampung halaman mereka. Mereka gagal pulang kerana sudah mempunyai pandangan hidup yang berbedza dari kaum keluarga,,sanak saudara dan masyarakat asal kampung mereka amnya yang masih berpegang kuat kepada 'adat perpatih' yang dikatakan menekan bakat-bakat muda. Adat perpatih di Minangkabau tidak memperuntukkan warisan harta pusaka kepada anak lelaki. Bagaimanapun di kalangan masyarakat di Kampung Dacing Hilir adat perpatih itu tidak pula dipatuhi seluruhnya seperti di Minangkabau. Menurut Ketua Kampung dan Imam masjid kampung itu pemimpin-pemimpin kampung itu dipilih mengikut kebolehan mereka dan bukan lagi berupa warisan suku. Harta pusaka pula diwarisi mengikut kaidah dalam Islam (al-Faraid). Keadaan ini menunjukkan bahawa di-Kampung Dacing lingkungan sosialnya sudah berbeda dari Tanah

Mengandung Minangkabau. Di samping itu ada juga yang gagal pulang kerana bertemu jodoh di rantau. Kesemua itu menunjukkan merantau tidak lagi bermakna seseorang itu akan berbalik ke kampung asalnya. Sebaliknya ia menunjukkan faham (concept) merantau mereka sekarang meliputi semua bentuk pergerakan dan perpindahan. Oleh sebab itu ramai penduduk yang bukan anak tempatan telah berakhir di Kampung Dacing Hilir.

Untuk menjelaskan lagi keadaan di atas pemahaman terhadap sikap dan pandangan hidup (Weltanschauung) penduduk Kampung Dacing mungkin dapat membantu kita memahami keadaan ini. Banyak soalan yang menyentuh tempat dan sebab pemilihan dibuat telah dijawab oleh responden berdasarkan pandangan hidup Islam. Umpamanya di samping jawapan-jawapan lain jawapan yang paling kerap didengar dan ternyata amat popular ialah bahawa 'dimanapun duduk sama saja atau di manapun bumi Allah jua'. Apabila disoal lagi kenapa sesuatu tempat itu dipilih dan bukan tempat lain jawapannya ialah bahawa'lebih mudah kalau tinggal di tempat "orang awak" (sama-sama suku Minangkabau) kerana seresam sebau'. Sikap seperti ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap sesuatu keputusan (decision) yang diambil oleh responden. Mungkin kerana sikap seperti ini kepada penduduk Dacing (responden) duduk di Lenggeng atau di Beranang itu sama saja dengan duduk di Kampung Dacing sendiri. Tambahan pula hampir semua responden

mempunyai ahli keluarga di tiap-tiap kampung itu. Pandangan hidup ini tidak langsung menunjukkan bahawa dikalangan suku Minangkabau urbanisasi akibat perpindahan tidak bermakna kehilangan atau berkurangnya sikap keagamaan (kemusliman) dalam hidup mereka seperti yang kedapatan di Barat.

Di samping itu kegagalan responden untuk kembali ke kampung asal tidak pula bermakna terputusnya perhubungan mereka dengan tempat asal mereka itu. Serasa di rantau mereka terus membuat hubungan dengan kaum keluarga mereka di kampung samada dengan membuat lawatan berkala atau berhubung melalui surat. Mereka yang merantau dekat akan pulang ke kampung lebih kerap manakala yang lebih jauh akan pulang ke kampung lebih jarang seperti pada hari-hari perayaan besar sahaja atau pada hari majlis perkahwinan saudara mara mereka. Mereka kerap juga pulang pada musim buah-buahan. Kepulangan mereka akan disambut baik dan sebagai balasan mereka akan membawa balik hadiah-hadiah yang berupa wang atau barang-barang sebagai tanda ikatan kekeluargaan. Berkaitan dengan ikatan (attachment) antara responden dengan saudara mara mereka di kampung didapati 79.4 peratus daripada responden selalu berkunjung, 14.7 peratus berkunjung sekali sekala dan hanya lima perpuhan sembilan peratus yang jarang-jarang berkunjung.

2.3 SEBAB-SEBAB MERANTAU

Merantau adalah hasil dari keinginan yang difikirkan oleh seseorang itu tidak dapat diperolehinya di tempat kediamannya. Perpindahan boleh juga berlaku kerana hendak melarikan diri dari sesuatu keadaan yang tidak disukai, tidak dikehendaki atau tidak dapat ditanggung (Bogue, 1969). Pryor (1971) membahagikannya kepada dua jenis: a) autogenetis iaitu perpindahan yang dilakukan secara sukarela dan rasional b) allogenis iaitu perpindahan yang dilakukan kerana sebab-sebab di luar kekuasaan seseorang individu yang berpindah. Tiap-tiap jenis itu pula di pengaruhi oleh bermacam-macam faktor.

Di kalangan orang Minangkabau ramai berpendapat bahawa 'adat perpatih' menyebabkan ramai anak muda keluar merantau (Mokhtar, 1971). Mereka percaya adat perpatih yang dipegang kuat oleh suku Minangkabau menghadkan pembahagian harta pusaka kepada waris perempuan. Adat ini menyebabkan kaum lelaki ketiadaan harta tanah, komoditi yang mempunyai daya mengikat paling kuat akan pemiliknya kepada rumah dan masyarakatnya (Shamsul Bahrin, 1964). Adalah menarik untuk melihat sejauh mana adat ini masih berkesan di kalangan penduduk Kampung Dacing Hilir, kerana penduduk kampung itu walaupun terdiri dari suku Minangkabau tidak lagi mengamalkan adat perpatih sekurang-kurangnya dalam pembahagian harta tanah yang dikatakan amat penting itu.

SEBAB-SEBAB PERPINDAHAN

[illegible]

Untuk melihat kesan-kesan adat dan juga untuk mendapatkan jawapan yang tepat soal-selidik sengaja dibuat berbentuk terbuka (open ended). Sebagaimana yang diduga tiada seorangpun yang menyentuh adat sebagai punca atau sebab ia merantau (berpindah). Sebab-sebab yang paling popular yang menyebabkan seseorang pergi merantau ialah untuk 'mencari penghidupan yang lebih baik' bagi perpindahan auto-genetis dan 'arahan majikan' bagi perpindahan 'allogenetis'. Keinginan untuk 'mencari penghidupan yang lebih baik' telah menyebabkan 28 perpindahan (25.4 peratus) disusuli oleh 'mengikut arahan majikan' yang menyebabkan 25 perpindahan (22.7 peratus) diikuti oleh 'untuk persaraan atau berhenti kerja' yang menyebabkan 20 perpindahan (18.2 peratus) (Jadual 2.3.1).

Diteliti lebih mendalam keinginan untuk 'mencari penghidupan yang lebih baik' dan perpindahan yang disebabkan oleh kesusahan di kampung membayangkan bahawa kesukaran di kampung adalah faktor utama yang mendorong perpindahan. Ia boleh dianggap sebagai faktor 'menolak' yang bertanggungjawab menyebabkan penghijrahan beramai-ramai dari Kampung Dacing Hilir. Keadaan ini akan menjadi lebih jelas jika kekerapan perpindahan berbanding dengan milik tanah diperhatikan (Jadual 2.3.2). Jadual itu membenarkan kita membuat sekurang-kurangnya dua kesimpulan. Yang pertama bahawa perpindahan banyak berlaku di kalangan responden yang mempunyai sedikit sahaja harta tanah (kurang dari dua ekar). Milik tanah yang kecil di kalangan responden bukan

JADUAL 2.3.2

PERGERAKAN MENGIKUT HARTA TANAH

a) Tanah Pusaka:

Luas (ekar)	Bilangan mengikut kekerapan										Jumlah
	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	
0	2	-	1	1	1	-	-	-	-	-	5
0.1 - 2.0	4	4	-	1	1	-	-	-	-	-	11
2.1 - 4.0	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
4.1 - 6.0	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
6.1 - 8.0	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
8.1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

b) Tanah Belian Sendiri

Luas (ekar)	Bilangan mengikut kekerapan										Jumlah
	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	
0	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
0.1 - 2.0	1	1	-	1	-	-	-	-	1	-	4
2.1 - 4.0	-	-	3	2	1	1	1	-	-	1	9
4.1 - 6.0	-	-	-	1	1	-	-	-	-	-	2
6.1 - 8.0	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
8.1	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1

disebabkan oleh adat tetapi adalah kerana kemiskinan. Semasa responden berada dalam tingkat umur yang 'bertenaga' ternyata milikan tanah yang kecil ekarnya tidak mencukupi, lalu mendorong mereka keluar merantau mencari rezeki tambahan buat bekalan masa tua. Pusaka yang sedikit itu juga merupakan daya penarik yang amat kuat supaya responden pulang semula ke kampung apabila sudah sampai umur persaraan untuk mengurus tanah pusaka yang kecil tetapi cocok dengan keupayaan mereka pada masa itu. Dengan lain perkataan harta warisan mereka yang kecil itu ternyata seolah-olah tiada bermakna semasa mereka 'bertenaga' tetapi cukup untuk memberikan perlindungan pada mereka apabila mereka tua dan tidak mampu lagi hidup di rantau yang serba mencabar.

Kedua, jadual itu juga memperlihatkan bahawa 'merantau' membolehkan responden mengumpul harta samada berupa tanah belian sendiri (Jadual 2.5.2b) ataupun wang untuk belanja membuat rumah dan keperluan lain. Didapati 15 daripada 16 responden (93.7 peratus) yang dapat membeli sendiri tanah telah pernah berpindah atau keluar merantau. Kejayaan perantau-perantau tidak syak lagi menjadi pendorong pula kepada yang lain memulakan satu rangkaian pergerakan-pergerakan. Tidak hairanlah kalau penulis kerap kali diberitahu oleh responden semasa menjawab soalan 'di mana anda suka anak anda tinggal menetap?', bahawa mereka lebih suka tinggal berhampiran antara satu sama lain serta menambah bahawa anak mereka itu sudahpun membeli sebidang tanah dan mendirikan rumah (di Kampung Dacing Hilir atau di kampung yang berjiran) dan akan tinggal di sana apabila

pulang dari rantau. Didapati juga responden-responden lebih suka merantau daripada bekerja di ladang-ladang estet yang berhampiran kerana pendapatan dari bekerja di ladang-ladang yang berhampiran itu amat rendah dan tidak pula menjamin masa depan mereka. Mereka hanya bekerja di estet sebagai pilihan terakhir setelah usaha di-tempat-tempat lain gagal.

Di samping itu terdapat juga beberapa perpindahan di luar kekuasaan responden (allogenetis). Ia melibatkan perpindahan yang dilakukan oleh responden yang bekerja di bawah majikan dan berpindah kerana arahan. Kesemuanya sebanyak 25 perpindahan dapat digolongkan di bawah kategori ini. Mereka yang terlibat bekerja dengan kerajaan sebagai guru atau anggota pasukan keselamatan. Pada hakikatnya, walaupun ia melibatkan banyak perpindahan penelitian terhadap sebab mereka itu berpindah tidak memberi banyak erti. Namun kalau diteliti lebih mendalam keadaannya tidak pula jauh berbeda dari perpindahan yang dilakukan oleh responden-responden lain. Pada asasnya mereka itu berpindah dari desa kerana desakan ekonomi iaitu kemiskinan. Kesusahan di kampung dan keinginan untuk mendapatkan penghidupan yang lebih baik juga yang telah 'menolak' mereka dari kampung.

Selain daripada itu terdapat juga sebab-sebab lain yang telah mendorong perpindahan, seperti keinginan ibu-bapa memberikan pelajaran yang lebih tinggi kepada anaknya, atau, dalam beberapa hal yang jarang-jarang berlaku seperti halnya pada seorang responden

yang berpindah kerana mahukan perubahan dan seorang lagi kerana membawa hati sebab kematian anak. Dalam hal yang pertama perpindahan pada umur yang masih muda itu menjadi pengasuh kepada responden supaya berpindah terus setelah tamat pengajian. Hal demikian berlaku kerana kampung itu tidak menyediakan bidang pekerjaan yang sesuai untuk anak mereka yang berpelajaran. Kita menyetujui pendapat Lindberg (1930).....'bahawa anak-anak dididik untuk berpindah.....dan apabila mereka terpaksa membuat penentuan, mereka hanya mengikut tradisi yang menganggap berpindah itu sebagai satu hal semulajadi'.

Akhirnya beberapa kesimpulan dapat dibuat. Penduduk yang ingin maju (motivated) keluar merantau atau berpindah kerana sebab ekonomi ekonomi. Kemiskinan dan kesusahan hidup dikampung yang kian bertambah akibat pertambahan penduduk tanpa diikuti oleh sebarang pertambahan pada kawasan pertanian atau gerak-kerja ekonomi menjadi faktor 'menolak' yang utama. Hanya mereka yang mudah berpuas-hati atau tidak berpeluang untuk berbuat demikian tinggal dikampung sebagai 'penunggu rumah dan pengurus kebun'. Biasanya yang berbuat demikian ialah kaum wanita atau kaum lelaki yang sudah meningkat umur. Di-Kampung Dacing Hilir peranan adat sebagai faktor 'menolak' tidaklah jelas. Ini menunjukkan adanya sebab-sebab lain yang lebih kuat daripada itu, yang menggalakkan mereka keluar merantau.

yang berpindah kerana mahukan perubahan dan seorang lagi kerana membawa hati sebab kematian anak. Dalam hal yang pertama perpindahan pada umur yang masih muda itu menjadi pengasuh kepada responden supaya berpindah terus setelah tamat pengajian. Hal demikian berlaku kerana kampung itu tidak menyediakan bidang pekerjaan yang sesuai untuk anak mereka yang berpelajaran. Kita menyetujui pendapat Lindberg (1930).....'bahawa anak-anak dididik untuk berpindah.....dan apabila mereka terpaksa membuat penentuan, mereka hanya mengikut tradisi yang menganggap berpindah itu sebagai satu hal semulajadi'.

Akhirnya beberapa kesimpulan dapat dibuat. Penduduk yang ingin maju (motivated) keluar merantau atau berpindah kerana sebab ekonomi ekonomi. Kemiskinan dan kesusahan hidup dikampung yang kian bertambah akibat pertambahan penduduk tanpa diikuti oleh sebarang pertambahan pada kawasan pertanian atau gerak-kerja ekonomi menjadi faktor 'menolak' yang utama. Hanya mereka yang mudah berpuas-hati atau tidak berpeluang untuk berbuat demikian tinggal dikampung sebagai 'penunggu rumah dan pengurus kebun'. Biasanya yang berbuat demikian ialah kaum wanita atau kaum lelaki yang sudah meningkat umur. Di-Kampung Dacing Hilir peranan adat sebagai faktor 'menolak' tidaklah jelas. Ini menunjukkan adanya sebab-sebab lain yang lebih kuat daripada itu, yang menggalakkan mereka keluar merantau.

2.4. PERGERAKAN RESPONDEN PADA MASA HADAPAN

Untuk tujuan ini responden telah ditanya samada mereka bercadang untuk berpindah pada masa hadapan dalam tempoh satu tahun, dua tahun dan empat tahun dari sekarang. Sebagai semakan responden juga ditanya samada mereka bercadang untuk merantau pada bila-bila masa akan datang. Didapati dalam masa satu tahun dari sekarang hanya empat orang (11.8 peratus) bercadang untuk merantau. Bakinya 27 orang (79.4 peratus) tidak bercadang langsung untuk pergi merantau lagi dan 3 orang (8.8 peratus) masih belum dapat menentukan kedudukannya. Selanjutnya lima orang bercadang untuk pergi merantau dalam masa dua tahun dari sekarang dan tiga orang bercadang untuk berbuat demikian dalam masa empat tahun. Empat orang menunjukkan keinginan mereka untuk pergi merantau pada bila-bila masa akan datang (Jadual 2.4.1).

JADUAL 2.4.1

PERPINDAHAN MASA DEPAN RESPONDEN

Tempoh (tahun dari sekarang)	Ya (%)	Tidak (%)	belum tahu (%)
Satu tahun	4 (11.8)	27 (79.4)	3 (8.8)
Dua tahun	5 (14.7)	22 (64.7)	7 (20.6)
Empat tahun	3 (8.8)	21 (61.8)	10 (29.4)
Bila-bila masa depan	4 (11.8)	15 (44.1)	15 (44.1)

Responden yang berkeinginan untuk pergi merantau lagi itu terdiri daripada mereka yang masih muda iaitu yang berada dalam golongan umur bawah 30 tahun. Tiga dari empat orang yang ingin merantau itu ingin berpindah ke Rancangan Kemajuan Tanah Felda sedangkan yang seorang lagi ingin merantau ke Ibunegara Kuala Lumpur. Seperti halnya dengan pergerakan-pergerakan sebelumnya, mereka memilih tempat-tempat yang berkenaan kerana mahukan penghidupan yang lebih baik. Dalam konteks ini ternyata rancangan tanah Felda yang terbukti sudah berjaya menambahkan pendapatan peserta-pesertanya amat popular di kalangan responden. Responden yang seorang lagi itu memilih Ibunegara kerana ia sudah jemu bertani di kampung dan ingin berpindah ke bandar pula untuk mendapatkan pekerjaan lain serta supaya dapat pula menikmati kemudahan-kemudahan yang terdapat di bandar itu.

Menyentuh tentang responden yang tidak mahu lagi pergi merantau didapati sebab yang paling popular mengapa mereka bersikap demikian ialah kerana mereka sudah tua; 21 daripada 27 orang (77 peratus) telah memberi jawapan demikian, tiga orang kerana sudah jemu merantau sedangkan bakinya kerana hendak menjaga dan mengurus harta mereka. Tiga orang responden tidak dapat membuat penentuan samada mereka akan berpindah atau tidak. Menurut mereka hanya keadaan yang akan menentukan samada mereka akan pergi merantau atau tidak. Bilangan tidak pasti ini meningkat menjadi 15 orang (44.1 peratus) bagi tempoh 'pada bila-bila masa akan datang'. Adalah dipercayai mereka bersikap demikian kerana mereka masih mempunyai keinginan untuk mendapatkan penghidupan yang lebih baik dan ini hanya boleh didapati di rantau.

2.5 AHLI-AHLI KELUARGA YANG TIDAK HADHIR -
OGOS - SEPTEMBER 1975.

Semasa kajilidik dijalankan di Kampung Dacing Hilir antara Ogos - September 1975 didapati hanya sebahagian sahaja daripada ahli keluarga yang tinggal bersama keluarga mereka atau duduk di Kampung itu. Dalam kajilidik itu ahli-ahli keluarga yang tinggal bersama keluarga mereka di kampung telah dicatitkan. Demikian juga halnya dengan ahli keluarga yang tidak hadir (tidak tinggal bersama). Keterangan-keterangan mengenai jantina, umur dan tempat tinggal mereka dicatitkan juga. Dari catitan itu satu taksiiran kasar mengenai pergerakan keluar dari kampung ini dapat dibuat dan destinasi mereka di kesan. Penduduk de jure atau penduduk asas kampung itu yang meliputi yang hadir dan yang tidak hadir kemudiannya boleh dibahagikan kepada:

a) penduduk de facto kampung itu atau penduduk yang benar-benar tinggal di kampung itu dan b) penduduk berpindah atau penduduk yang tidak hadir kerana merantau. Seseorang itu dianggap tiada hadir jika ia tiada tinggal bersama keluarganya semasa kajilidik ini dijalankan atau jika pada pendapat ketua keluarga itu ia tiada akan berada di rumah itu selama tidak kurang dari dua bulan samasa kajilidik ini dijalankan. Seseorang yang keluar sementara pergi kekebun atau berziarah selama kurang dari dua bulan tidak dimasukkan dalam kumpulan ini.

Pendekatan ini sejajar dengan pendekatan yang digunakan oleh Bedford (1973) dalam kajiannya mengenai hal yang serupa di kalangan penduduk New Hebrides. Ia berbeza hanya dari segi tempoh

pergerakan. Bedford telah menggunakan dua minggu sebagai penduduk tetap atau penduduk yang tidak hadir, berbanding dengan tempoh dua bulan yang digunakan untuk kajian ini.

2.5.1 JUMLAH PENDUDUK YANG TIDAK HADHIR

Mengikut angka-angka yang diperolehi melalui kajilidik itu penduduk tetap Kampung Dacing Hilir ialah seramai 148 orang. Mereka terdiri dari 34 keluarga. Bagaimanapun bilangan ini hanya menunjukkan sebahagian daripada jumlah yang sebenar kerana penelitian yang lebih terperinci menunjukkan 27 daripada 34 keluarga (79.4 peratus) itu mempunyai beberapa orang dari ahli keluarga mereka yang tidak hadir. Bilangan ahli keluarga yang tidak hadir itu berbedza mengikut keluarga. Angka yang paling besar ialah sembilan orang. Didapati angka-purata ahli yang tidak hadir bagi tiap-tiap keluarga ialah dua perpuluhan enam dengan sisihan lazim dua perpuluhan empat. Jumlah ahli keluarga yang tidak hadir ialah 98 orang. Apabila tempat tinggal ahli keluarga yang tidak hadir itu diperiksa didapati 90 orang berada di luar Kampung Dacing Hilir. Bakinya yang lapan orang di dapati sudah berpecah dari keluarga mereka tetapi didapati masih duduk di kampung itu juga. Yang demikian mereka dianggap sebagai ahli tidak hadir yang tidak bergerak (non-migrant absentees) dan tidak ditaksir sebagai penduduk yang tidak hadir. Dari angka-angka itu dapatlah ditaksirkan bahawa penduduk de jure Kampung Dacing Hilir ialah seramai 238 orang. Ini bererti purata ahli bagi tiap-tiap satu keluarga ialah tujuh orang.

JADUAL 2.5.1

TABURAN PENDUDUK KAMPUNG DACING BERGIEKUT UMUR

Kumpulan Umar	Lelaki		Wanita		Jumlah		Peratus
	R	M	R	M	R	M	
Lebih 66	5	-	4	-	9	-	3.8
61 - 65	2	-	1	-	3	-	1.2
56 - 60	1	3	2	-	3	3	2.5
51 - 55	4	2	2	-	6	2	3.4
46 - 50	7	1	2	3	9	4	5.5
41 - 45	4	1	5	2	9	3	5.0
36 - 40	3	7	6	2	9	9	7.6
31 - 35	2	5	1	5	3	10	5.5
26 - 30	1	5	2	12	3	17	8.4
21 - 25	4	9	6	8	10	17	11.3
16 - 20	12	9	14	13	26	22	20.2
11 - 15	12	3	13	-	25	3	11.7
6 - 10	10	-	9	-	19	-	7.9
1 - 5	5	-	9	-	14	-	5.9
	72	45	76	45	148	90*	100.0


R = penduduk tetap (Residents)

M = penduduk tidak hadir (Migrants)

* = anggaran penduduk yang tidak hadir dari tujuh keluarga yang tidak ditemui seramai 49 orang tidak dimasukkan ke dalam jumlah ini.

(Sumber : Kajilidik Ogos - September 1975)

Namun demikian angka itu masih belum memuatkan tujuh keluarga yang tidak dapat ditemui kerana kesemua ahlinya sudah berpindah seperti



RAJAH 2.5.1

PENDUDUK KAMPUNG DACING HILIR MENGIKUT
STRUKTUR UMUR



PENDUDUK DE FACTO

PENDUDUK TIDAK HADIR

yang dinyatakan pada akhir bab pertama, walaupun mereka masih dianggap sebagai penduduk kampung itu. Kalau hitungan purata ahli bagi tiap-tiap keluarga seperti di atas boleh digunakan juga untuk menentukan saiz keluarga yang tidak dapat ditemui itu, bermaknalah penduduk de jure Kampung Dacing Hilir yang sebenarnya ialah seramai 267 orang. Ia juga bermakna ahli dari kampung ini yang telah berpindah keluar meningkat menjadi seramai 139 orang atau 48.4 peratus. Angka ini menunjukkan kadar yang amat tinggi bagi sesuatu kawasan yang mengalami kesusutan penduduk. Ada kemungkinan angka ini akan bertambah kerana pada masa ini terdapat beberapa orang penduduk muda kampung itu yang berulang setiap hari ke tempat kerja mereka di Kuala Lumpur. Mereka hanya menunggu masa untuk berpindah dan menetap di sana.


Keterangan yang diberikan oleh ketua keluarga itu membolehkan struktur umur penduduk de jure dan de facto Kampung Dacing Hilir diketahui. Data menunjukkan 38.5 peratus daripada lelaki tidak tinggal bersama keluarga mereka berbanding dengan 37.2 peratus dikalangan wanita. Walau bagaimanapun bilangan lebih tersebar di kalangan lelaki daripada wanita. Di kalangan lelaki penduduk yang tiada hadir itu berumur antara 16 hingga 50 tahun (Jadual 2.5.1 dan Rajah 2.5.1). Dalam sebutan umur aktif didapati 77.8 peratus daripada kaum lelaki dan 88.9 peratus daripada wanita adalah dari kumpulan umur antara 16 hingga 40 tahun.

2.5.2 DESTINASI AHLI KELUARGA YANG TIDAK HADIR

Seerti yang ternyata pada Rajah 2.5.1 dan Jadual 2.5.1

ahli keluarga yang tiada hadir itu terdiri dari golongan muda yang penuh tenaga. Mereka juga mendapat didikan pelajaran yang lebih baik (Jadual 2.5.2). Kedua ciri ini bersama-sama dengan kemudahan perhubungan antara daerah yang lebih baik memberi mereka pilihan yang lebih banyak dalam lapangan pekerjaan dan mengisikan ruang pergerakan yang jauh lebih besar. Pendidikan yang mereka terima memberikan mereka gambaran yang lebih jelas mengenai destinasi mereka. Ruang pergerakan (migration field) mereka tidak lagi terbatas seperti halnya dengan ketua keluarga mereka pada peringkat awal pergerakan, tetapi sudah bertambah luas meliputi seluruh Malaysia kecuali beberapa negeri seperti Kelantan, Trengganu dan Sabah.

Peningkatan dalam bidang pelajaran juga telah mengubah struktur pergerakan mereka. Mereka tidak lagi berpindah dari satu kelompok petempatan Minangkabau kepada yang lain tetapi mereka mulai berpindah ke bandar-bandar yang menyediakan banyak peluang ekonomi bukan pertanian. Destinasi mereka meliputi hampir semua bandar besar di Malaysia (Rajah 2.5.2) dimana mereka bekerja sebagai kerani, guru, anggota angkatan bersenjata, pekerja kilang dan lombong dan lain-lain (Jadual 2.5.3). Dalam banyak hal pekerjaan mereka turut menentukan destinasi mereka. Ahli-ahli yang berpendidikan rendah dan menengah rendah mempunyai ruang pergerakan yang lebih kecil. Kuala Lumpur menarik paling ramai daripada golongan ini kerana adanya peluang pekerjaan di sektor perkilangan dan perkhidmatan yang banyak terdapat di sana. Walau bagaimanapun mereka yang bekerja dalam pasukan keselamatan



RAJAH 2.5.2

DESTINASI AHLI KELUARGA YANG TIDAK HADHIR

kerap kali berpindah keseluruh pelusuk negeri. Mereka yang memilih pertanian sebagai mata pencarian mereka tiada berpindah jauh. Mereka hanya berpindah dalam lingkungan lima batu dari Kampung Dacing seperti ke Lenggeng atau Beranang, kecuali dua orang yang berpindah ke Pasir Besar (Gemas, Negeri Sembilan) kerana menyertai Rancangan Kemajuan

JADUAL 2.5.2

PENDIDIKAN AHLI KELUANGA YANG TIADA RAKSI

Jenis Pendidikan	Bilangan	Peratus
Tiada	2	2.2
Rendah	51	56.7
Menengah Rendah	11	12.2
Menengah Atas	18	20.0
Menengah Tinggi	6	6.7
Universiti	2	2.2
Lain-lain	1	1.0
	90	100.0

Sumber : Kajiilidik Ogos - September 1975.

Tanah Persekutuan (Felda) yang popular di Malaysia, sebagai peneroka. Mereka yang mempunyai pendidikan menengah atas dan tinggi didapati lebih bebas bergerak. Mereka menceburkan diri dalam lapangan perkeraan, perguruan dan pentadbiran yang memerlukan mereka bergerak lebih jauh. Namun begitu bilangan terbesar masih bertumpu di Kuala Lumpur

kerana di sana terdapat peluang pekerjaan yang lebih banyak. Di samping itu terdapat tiga responden yang masing-masing bergerak hingga ke Pulau Pinang, Indonesia dan Australia untuk mendapatkan pelajaran yang lebih tinggi.

JADUAL 2.5.3

PEKERJAAN AHLI KELUARGA YANG TIADA HADHIR


Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Pentadbir	1	1.1
Perkeranian/Guru	10	11.1
Anggota Pasukan Keselamatan	7	7.8
Buruh Kasar/Kilang	25	27.8
Suri Rumah tangga	18	20.0
Peneroka	3	3.3
Petani	7	7.8
Taksi/Pemandu	2	2.2
Peniaga	2	2.2
Pemuntut	11	12.2
Penganggur	4	4.4
	90	100.0

Sumber : Kajiilidik Ogon - September 1975.

Jantina juga mempengaruhi destinasi ahli keluarga. Sungguhpun begitu ia tidak pula boleh dilihat sebagai faktor yang terpisah yang memberikan pengaruh yang tersendiri kerana ia berkait rapat dengan faktor lain juga seperti pelajaran. Bagi wanita yang belum

RAJAH 2.5.3.

RUANG PERGERAKAN AHLI
TIDAK HADHIR



berkahwin didapati mereka tertumpu ke pekan-pekan besar yang berhampiran seperti Kuala Lumpur dan Petaling Jaya di Selangor dan di Seremban di Negeri Sembilan. Bandar-bandar itu menarik hati mereka kerana banyaknya peluang dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Mereka yang telah berkahwin (20 peratus daripada ahli yang tiada hadir) didapati tiada lagi bergerak secara bersendirian. Mereka menurut suami mereka kemana mereka berpindah. Oleh itu ruang pergerakan mereka adalah serupa dengan ruang pergerakan lelaki. Ada juga di antara wanita yang bekerja sebelum berkahwin berhenti kerja sesudah berkahwin dan berpindah mengikut suami mereka.

Sebagaimana yang diduga ruang pergerakan kaum lelaki adalah lebih luas, seperti yang disebutkan oleh seorang responden....'seseorang itu adalah ibarat semut yang akan menuruti di mana saja ada gula'. Sifat mereka sebagai lelaki membenarkan mereka bergerak lebih bebas dan boleh memilih pekerjaan dari lapangan yang lebih banyak pula. Namun demikian Kuala Lumpur dan Seremban dan kawasan-kawasan sekitarnya masih merupakan destinasi yang paling popular walaupun ramai di antara mereka yang menjelajah ke kawasan petempatan dan bandar yang lebih jauh dan terpencil.

Akhir sekali dapatlah disimpulkan bahawa pada keseluruhannya ruang pergerakan ahli keluarga yang tiada hadir sudah bertambah besar berbanding dengan golongan perantau sebelumnya (ketua keluarga) (Rajah 2.5.3). Walaupun begitu tidak dapat dinafikan juga bahawa

bandar-bandar merupakan destinasi mereka yang paling popular; satu peningkatan dalam proses urbanisasi. Sebahagian besar daripada mereka juga didapati berpindah pada jarak dekat. Dalam konteks ini didapati 59 peratus daripada pergerakan adalah dalam lingkungan 30 batu dari Kampung Dacing Hilir.

2.5.3 KETIDAK-HADHIRAN DAN PENGHIDUPAN DI DESA

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya 79 peratus daripada keluarga mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli yang tinggal diluar daripada Kampung Dacing Hilir semasa kajilidik dijalankan. Bilangan yang tidak hadir adalah hampir-hampir separuh daripada jumlah penduduk kampung itu. Penghijrahan jumlah yang besar ini tontulah sedikit sebanyak telah merobah struktur dan pengagihan kuasa di Kampung Dacing Hilir, terutamanya apabila 'penghijrahan' itu melibatkan paling ramai daripada golongan yang 'bertenaga'. Sejalan dengan perubahan itu diduga juga akan berlaku penyesuaian-penyesuaian dalam gerak-kerja penduduk setiap hari dalam usaha mengatasi sebarang masalah yang timbul akibat dari penghijrahan itu.

Perubahan yang utama yang dapat dilihat ialah pada struktur penduduknya. Piramid struktur penduduk Kampung Dacing Hilir ditunjukkan dalam Rajah 2.6.4. Ia berbeza dari bentuk piramid yang mewakili kawasan sedang membangun yang selalu berbentuk 'delta'. Di dapati penduduk dalam golongan umur melebihi 20 tahun amat kecil berbanding dengan bilangan dalam golongan bawah 20 tahun. Kecuali sedikit

perbedaan pada bilangan wanita dalam golongan umur antara 35 hingga 45 tahun dan lelaki dalam golongan umur antara 46 hingga 50 tahun, bilangan dalam golongan umur yang lain adalah hampir-hampir sama banyak. Di kampung itu terdapat amat kecil sekali (tidak melebihi tiga orang) bilangan lelaki dalam golongan-golongan umur antara 26 - 30 tahun, 41 - 45 tahun dan 56 - 60 tahun. Wanita yang paling kecil bilangannya ialah dalam golongan umur 31 - 35 tahun dan 61 - 65 tahun. Adalah dipercayai keadaan itu adalah kesan daripada perpindahan. Di kalangan dewasa lelaki bilangan yang paling ramai ialah dalam golongan umur 46 - 50 tahun iaitu umur persaraan yang lazim di kalangan anggota angkatan bersenjata. Penduduk yang berumur lebih daripada 66 tahun juga didapati ramai iaitu melebihi 9 peratus. Keadaan ini menunjukkan Kampung ini menjadi kawasan 'perlindungan' bagi orang-orang bersara atau orang tua-tua. Rajah itu juga menunjukkan sebahagian besar daripada penduduk kampung itu terdiri daripada murid-murid sekolah yang menghadiri sekolah rendah di kampung itu sendiri atau sekolah menengah yang terdapat di Lenggeng atau Beranang.

Satu perkara yang amat anih ~~adalah~~ kecilnya bilangan bayi yang berumur bawah daripada lima tahun. Bilangan yang kecil ini menunjukkan dua kemungkinan: kejayaan usaha perancang keluarga yang sedang digalakkan di seluruh negara ataupun ia mungkin disebabkan oleh perpindahan dalam umur subur. Menurut keterangan dari Pusat Kesihatan Kecil di Lenggeng merancang keluarga masih baru dan belum

populer di kalangan penduduk Lenggeng. Memandangkan kepada kenyataan itu adalah lebih munasabah sekiranya bilangan bayi yang kecil itu dianggap sebagai kesan daripada perpindahan penduduk dalam umur subur yang membawa bersama mereka anak-anak kecil mereka apabila berpindah dan meninggalkan anak-anak mereka yang bersekolah bersama-sama dengan keluarga mereka di kampung.

Piramid struktur penduduk itu juga menunjukkan perpindahan telah memberi kesan terhadap kadar jantina, penduduk kampung itu. Didapati bilangan wanita di kampung itu adalah lebih tinggi daripada bilangan lelaki. Di kampung itu terdapat 109 orang wanita bagi tiap-tiap 100 orang lelaki, satu ciri yang sudah wujud di daerah itu semenjak banci pertama dijalankan pada tahun 1957 (Jadual 1.4.1). Keadaan ini memberikan implikasi sosial yang besar. Pertama ia menyebabkan wanita menjadi tenaga utama mengusahakan kebun, ladang dan sawah. Walau bagaimanapun tidak banyak masalah timbul dari perubahan ini kerana ternyata penduduk Kampung Dacing Hilir telah dapat membuat penyesuaian untuk mengatasi masalah yang berbangkit. Kesulitan membajak sawah umpamanya diatasi dengan menggunakan jentera baru dengan sebahagian besar daripada perbelanjaan dibiayai oleh ahli keluarga yang makan gaji di rantau. Kehidupan di kampung secara tradisional seperti bergotong-royong mulai hilang dan upah mengupah dengan wang mengambil tempat.

Kedua pemergian kaum lelaki yang besar bilangannya telah menyebabkan ramai wanita di kampung tidak mempunyai jodoh lagi,

tambahan pula ramai ~~dari~~ lelaki yang merantau itu tidak lagi pulang ke kampung untuk mencari jodoh. Umur berkahwin juga telah meningkat menjadi lebih tinggi. Keadaan ini banyak persamaannya dengan Hasil Kajian Mokhtar (1971) di Sumatra. Ia berbeza sedikit dari kajian itu kerana di Kampung Dacing tiada pula berlaku seseorang wanita terpaksa berkongsi suami orang lain (poligami) kerana kajilidik ini menunjukkan bahawa kes lelaki beristeri lebih dari satu tidak berlaku. Apa yang terjadi ialah masih ramai wanita yang belum berkahwin walaupun umur mereka sudah lanjut, satu perkara yang tidak disukai oleh masyarakat. Pada peringkat permulaan didapati hanya wanita yang mempunyai pelajaran yang tinggi sahaja yang keluar merantau untuk mendapatkan pekerjaan yang cuok dengan kelayakan mereka di bandar-bandar. Tetapi akhir-akhir ini wanita yang berpendidikan rendah pun turut merantau kerana mereka tiada merasa senang lagi duduk di kampung. Keadaan ini menerangkan kenapa akhir-akhir ini secara tiba-tiba bilangan wanita yang merantau hampir sama ramainya dengan lelaki.

Dilihat dari sudut psikologi fenomena merantau ini membawa perasaan yang bercampur antara sedih dan duka di kalangan ketua keluarga. Mereka bersedih kerana terpaksa berpisah dengan anak-anak mereka yang dikasihi. Dalam pada itu mereka suka kerana pemergian ahli keluarga mereka itu ke rantau bermakna rezeki yang bertambah kepada keluarga dan merupakan punca yang selalu diharapkan untuk membantu mereka dalam persaraan. Keadaan seperti ini sudah dianggap

biasa oleh penduduk Kampung itu. Tambahan pula keluarga yang mempunyai ramai ahli yang merantau dianggap lebih beruntung, mulia dan disegani.

Perggerakan keluar penduduk di Kampung Dacing Hilir itu turut memberi kesan pula pada pengurusan dan penghasilan sawah ladang. Dari 26 orang responden yang memiliki sawah hanya 10 orang yang merasai kerja mereka seperti biasa iaitu tiada tergendala akibat perpindahan ahli keluarga mereka. Yang selebihnya 16 orang (61.5 peratus) mendapati kerja mereka sedikit sebanyak telah terjejas; enam orang terpaksa menggunakan tenaga upahan, enam orang terpaksa menyewakan sebahagian daripada sawah mereka dan empat orang terpaksa menyewakan seluruh sawah mereka pada orang itu. Akibatnya tiada seorangpun yang mendapati pendapatan dari sawah mereka telah bertambah dari tahun-tahun yang lalu. Bagaimanapun 13 orang (50 peratus) mendapati penghasilan dari sawah mereka adalah seperti biasa. Lapan orang berpendapat hasil dari sawah mereka telah merosot dan lima orang memberitahu bahawa pendapatan mereka bersawah tiada tetap lagi.

Berhubung dengan pengurusan kebun pula 15 orang (51.7 peratus) mendapati kerja-kerja mereka adalah seperti biasa, dua orang (enam perpuluhan sembilan peratus) mengupah orang lain, dua orang yang lain menyewakan sebahagian atau semua ladang mereka dan 10 orang (34.5 peratus) menyerahkannya pada anak-anak mereka. Dari segi pendapatan pula 11 orang (37.9 peratus) mendapati hasil dari usaha berkebun telah

merosot, lapan orang mendapatinya seperti biasa dan 10 orang mendapatinya tiada tetap lagi. Keadaan ini menunjukkan bukan sahaja keluaran per kapita petani telah merosot tetapi juga keluaran setiap ekar tani telah turut berkurangan.

Secara am, tinjauan sepintas lalu menunjukkan Kampung Dacing Hilir telah mengalami kemerosotan ekonomi. Ia tidak lagi mampu membekalkan keperluan yang cukup untuk penduduk di kampung itu hingga telah 'menolak' ramai penduduk supaya berpindah keluar. Mereka yang telah berpindah keluar itu pula terpaksa mengirim wang atau lain-lain bantuan untuk keluarga mereka di kampung untuk mengimbangi kekurangan itu. Secara objektif keadaan ini jelas apabila rekod ketua kampung menunjukkan 13 peratus daripada sawah di Kampung Dacing Hilir tidak diusahakan. Walaupun angka bagi kebun getah tidak dapat diperolehi tetapi didapati juga banyak ekar getah juga terbiar tidak diusahakan sepenuhnya.

Rekod di pejabat Penghulu Mukim Lenggeng pula menunjukkan keluasan tanah yang diusahakan oleh penduduk mukim Lenggeng telah merosot. Pada tahun 1974 hanya lebih kurang 67 peratus daripada sawah di mukim itu yang diusahakan dan hanya 54 peratus daripada kebun-kebun kecil yang ditanam semula (yang boleh menjadi pedoman samada ia diusahakan dengan sempurna atau tidak). Walaupun faktor lain juga mungkin turut terlibat tetapi adalah dipercayai bahawa kekurangan tenaga manusia akibat perpindahan adalah faktor utama yang telah menyebabkan

kemerosotan dalam keluasan tani yang diusahakan dengan baik. Keadaan ini tidak syak lagi akan menurunkan kadar keluaran tiap-tiap ekar tani dan seterusnya keluaran per kapita dalam sektor pertanian.

2.6. POLA PERGERAKAN PENDUDUK KAMPUNG DACING PADA MASA HADAPAN.

Untuk tujuan ini murid-murid sekolah dari Kampung Dacing Hilir yang akan berhenti sekolah telah ditemuduga. Seramai 14 orang telah ditemuduga, 10 orang (74.4 peratus) sedang menuntut dalam Tingkatan Lima dan selebihnya dalam Tingkatan Empat. Mereka berada dalam lingkungan umur antara 16 hingga 18 tahun. Dari bilangan itu sembilan orang (64.3 peratus) adalah lelaki dan bakinya wanita. Dari keterangan yang diberikan didapati tujuh orang dari mereka (50 peratus) telah pernah berpindah pada masa yang lalu; empat orang telah pernah berpindah sekali dan tiga orang telah pernah berpindah lebih dari dua kali.

Dalam bidang pelajaran dua orang (14.3 peratus) bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran mereka ke maktab-maktab selepas memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia dan bakinya seramai 12 orang lagi bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat Universiti. Di soal mengenai kerja yang mereka minati 11 orang memilih bidang perkeranian dan perguruan sebagai pilihan utama, tiga orang bercita-cita untuk menjadi pegawai dalam angkatan bersenjata dan seorang memilih lapangan perniagaan. Mereka juga

memilih bandar-bandar besar sebagai tempat bekerja yang mereka sukai. Sebahagian besar daripada mereka (57 peratus) memilih untuk bekerja di Kuala Lumpur; diikuti oleh Johor Baharu (21.4 peratus). Yang lain-lain memilih Pulau Pinang, Kota Bharu dan Seremban (Jadual 2.6.1). Mereka juga bercadang untuk bekerja di 'tempat orang' untuk melihat negeri orang dan mengumpul pengalaman pada waktu muda.

JADUAL 2.6.1

TEMPAT BEKERJA YANG DISUKAI OLEH RESPONDEN
YANG BAKAL BERHENTI SEKOLAH

Tempat	Pilihan I	Pilihan II	Pilihan III
Kuala Lumpur	8 (54.0%)	2 (14.3%)	1 (7.1%)
Johor Baharu	3 (21.4%)	3 (21.4%)	4 (28.6%)
Seremban	1 (7.1%)	1 (7.1%)	2 (14.3%)
Kota Bharu	1 (7.1%)	2 (14.3%)	1 (7.1%)
Pulau Pinang	1 (7.1%)	2 (14.3%)	2 (14.3%)
Ipoh	-	1 (7.1%)	-
Kuantan	-	1 (7.1%)	1 (7.1%)
Alor Star	-	-	2 (14.3%)
Kota Kinabalu	-	1 (7.1%)	1 (7.1%)
Kucing	-	1 (7.1%)	-
	14 (100.0%)	14 (100.0%)	14 (100.0%)

Sumber: Kajilidik Ogos - September 1975.

Cita-cita mereka dalam bidang pelajaran dan pekerjaan menunjukkan bahawa kesemua responden adalah bakal perantau pada masa

hadapan. Semua responden menyatakan bahawa di tempat yang mereka pilih terdapat saudara-mara atau sahabat handai mereka yang bekerja di sana. Keadaan ini menunjukkan betapa berkesannya pengaliran informasi. Disoal samada mereka akan terus tinggal di kampung tiada seorangpun yang telah memberikan jawapan yang positif, dua orang 14.3 peratus menolak kemungkinan itu dengan tegas manakala bakinya yang 12 orang (85.7 peratus) menjawab 'belum tahu' membayangkan kalau boleh mereka akan keluar merantau.

Mengenai tempat yang menjadi pilihan untuk tempat tinggal samasa tua didapati tujuh orang (50 peratus) bercadang untuk balik ke kampung asal, tiga orang (21 peratus) memilih bandar tempat kerja dan empat orang (29 peratus) memilih untuk tinggal berhampiran dengan saudara-mara. Keadaan ini menunjukkan ikatan kekeluargaan masih kuat dan memainkan peranan penting menentukan bukan sahaja tempat kerja tetapi juga tempat tinggal waktu tua.

Akhirnya bolehlah disimpulkan bahawa pola perpindahan pada masa yang akan datang tidak akan berbeda jauh dari pola sekarang. Fenomena merantau meninggalkan kampung akan terus berlaku pada kadar yang tinggi. Sebahagian besar dari perantau akan menuju ke bandar-bandar untuk mendapatkan pekerjaan.

BAB TIGA

PERBINCANGAN DAN RUMUHAN

3.1. PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Beberapa hasil telah diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng, mengenai perpindahan orang Melayu (Bumiputra) khususnya suku Minangkabau dari pespektif sebuah kampung. Pertama, adalah didapati bahawa penduduk Kampung Dacing Hilir adalah amat 'lincah bergerak' (mobile). Mereka meninggalkan kampung halaman mereka pergi merantau pada waktu muda dan kembali semula ke kampung apabila sudah tua. Hampir-hampir separuh daripada jumlah penduduk Kampung Dacing Hilir, tidak tinggal di kampung kerana merantau, satu kadar yang amat tinggi bagi sesuatu kawasan. Proses merantau ini menyebabkan Kampung Dacing Hilir kehilangan 'tenaga muda' hingga ia meninggalkan beberapa kesan buruk pada penghidupan di kampung itu. Sekiranya perkara ini adalah fenomena yang sejagat samada dalam konteks wilayah (regional) atau nasional ia tentu memberikan implikasi yang kurang baik yang boleh mendatangkan kesan negatif terhadap pembangunan negara terutamanya pembangunan desa. Ia boleh menjejaskan usaha memajukan kawasan desa seperti yang sedang dijalankan di negara ini sekarang. Fenomena ini patut mendapat perhatian semua pihak yang terlibat dalam perancangan.

Kejayaan membangun desa-desa tentulah bergantung juga kepada kejayaan mengembeling tenaga dan pengalaman setiap orang penduduk khususnya tenaga muda. Penulis berpendapat perpindahan seperti yang berlaku di Kampung Dacing Hilir tiada lain daripada pengaliran keluar pengetahuan dan tenaga (brain and power drain) yang tidak baik untuk mana-mana daerah jika kadarnya tinggi dan berlaku berterusan.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa di Kampung Dacing Hilir kemiskinan adalah sebab yang utama yang telah mendorong penduduknya keluar merantau. Sehubungan dengan itu didapati juga pergerakan berpindah berlaku dengan banyaknya kerana 'mobiliti sosial' berkait rapat dengan 'mobiliti ruang'. Oleh yang demikian penulis percaya bahawa untuk mengurangkan pergerakan dari desa ke bandar pada kadar yang berlebihan kemajuan ekonomi hendaklah dikembangkan secara menyeluruh supaya dapat menyediakan bidang pekerjaan yang sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan peningkatan pelajaran.

Didapati juga bahawa perpindahan penduduk desa ke bandar-bandar itu adalah berbentuk sementara sahaja. Kesementaraan itu sebahagian besarnya disebabkan oleh jenis pekerjaan yang terbuka kepada mereka. Sebahagian besar daripada mereka bekerja 'makan gaji'; kebanyakannya dalam jawatan bergaji rendah. Sebaik sahaja mereka mencapai umur persaraan keupayaan dan kemampuan mereka untuk terus tinggal di bandar dengan belanja hidup yang tinggi pun lonyap.

Mereka terpaksa kembali ke kampung asal atau ke kampung lain yang ada hubungan dengan mereka untuk tinggal menetap kerana di sana belanja hidup adalah lebih murah. Oleh itu sebarang usaha untuk menjadikan kaum bumiputra sebagai penghuni bandar yang tetap, seperti yang giat diusahakan oleh pemerintah sekarang, hendaklah mengandungi juga rancangan-rancangan yang boleh mengubah susun-aturn pekerjaan yang terbuka kepada mereka.

Sejajar dengan itu penghijrahan antara wilayah secara besar-besaran tidak harus dibiarkan. Perpindahan keluar orang-orang muda dari desa akan melemahkan struktur dan organisasi sosio-ekonomi desa. Lambat laun ia akan mendatangkan kesan yang tidak baik terhadap pengeluaran aktiviti ekonomi desa dan mengganggu ketenteraman sosialnya serta meninggalkan desa tanpa fungsi dalam ekonomi dan pembangunan. Sebaliknya ia hanya akan mempercepatkan ledakan penduduk di kawasan-kawasan bandar yang menjadi tumpuan penduduk yang berpindah.

3.2. RUMUSAN

Dari kajian 'case' yang telah dijalankan itu beberapa rumusan boleh dibuat:

- a. Penduduk-penduduk kampung Dacing adalah sangat 'mobile'. Kelincahan mereka untuk bergerak-pindah adalah satu fenomena merantau yang masih popular di kampung yang didiami oleh suku Minangkabau itu.
- b. Kadar perpindahan di Kampung Dacing didapati meningkat mengikut masa sejajar dengan pertambahan penduduk di kampung itu.

c. Ruang pergerakan penduduk di kampung itu juga didapati bertambah mengikut masa sejajar dengan peningkatan pelajaran di kalangan penduduk dan kemajuan dalam pembangunan negara.

d. Sebahagian besar daripada perpindahan keluar adalah menuju Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Pengaliran penduduk dari daerah ini (Negeri Sembilan) ke arah Negeri Selangor, seperti yang ditemui oleh Pryor (1974), agak jelas.

e. Perpindahan sebahagian besar daripada penduduk itu adalah berbentuk sementara sahaja. Mereka keluar merantau apabila mencapai umur dewasa dan kembali semula ke kampung asal apabila sampai umur persaraan. Mereka berpindah kerana kemiskinan.

f. Tempat yang menjadi destinasi mereka tiadalah terhad. Ia ditentukan oleh jenis pekerjaan (ganjaran kewangan), edaran hidup dan pendidikan. Sebahagian besar dari mereka menuju ke bandar-bandar yang terdekat khususnya Ibunegara Kuala Lumpur kerana di sana terdapat banyak peluang ekonomi.

g. Perpindahan oleh golongan muda telah menyebabkan penduduk yang tinggal di Kampung Dacing Hilir terdiri dari orang tua dan kanak-kanak. Kadar Wanita juga lebih ramai dari lelaki. Keadaan ini menimbulkan beberapa masalah sosial dan ekonomi.

3.3. CADANGAN UNTUK KAJIAN MASA DEPAN

Kajian ini dijalankan di sebuah kampung saja dan hasilnya mungkin tidak sah bagi kampung-kampung lain. Di samping itu kajian

ini mungkin mempunyai banyak kelemahan. Oleh itu diadakan supaya kajian yang lebih mendalam dijalankan.

LAMPIRAN I

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
JABATAN ILMU ALAM

Soal Solidik

Penduduk : Perpindahan dari kacamata suatu kampung:
satu kes di sempadan Negeri Sembilan/Selangor.

(Untuk dijawab oleh ketua keluarga)

Kampung:.....

1.0 Butir diri :

1.1 Jantina : Laki-laki/perempuan Umur :.....tahun

Tempat lahir :.....

Pekerjaan sekarang :.....

Anggaran pendapatan sebulan :.....

1.2.1. Adakah anda seorang sahaja menanggung keluarga? Ya/tidak

1.2.2. Kalau tidak siapa lagi? i).....

ii).....

iii).....

1.3. Pendidikan :

Jenis	Tempat	Tempoh	Kelulusan
Rendah			
Menengah			
Maktab			
Universiti			
Pondok			
Lain-lain			

1.4. Butir perpindahan :

1.4.1. Sekiranya bukan berasal dari kampung ini bila anda kesini
.....

Sebab :

1.4.2. Perpindahan sebelum menetap disini :

* bil tempat tempoh umur status pekerjaan sebab ragam							
1							
2							
3							
4							
5							
6							

1.4.3. Bagi tiap-tiap perpindahan itu adakah sesiapa yang ditepati ditempat yang baru itu? Ya/tidak :

1.4.4. Jika ya siapa dia? (Perkaitan anda dengannya):

1.4.5. Anda pernah mendengar mengenai tempat itu sebelum berpindah?
Ya/tidak :

1.4.6. Jika ya sebutkan punca perkhabaran itu?

2.0 Butir keluarga :

2.1.1. Jumlah semua ahli dalam keluarga anda (yang masih hidup)

2.1.2. Bilangan yang tinggal bersama: orang.

2.1.3. Bilangan yang tidak tinggal bersama-sama : orang

* Samada balik menetap dikampung dahulu sebelum pindah
pula ke tempat lain.

2.1. Analisa ahli keluarga :

No	Pertalian	Umur		Pendidikan	Status	Tempat tinggal	Pekerjaan	Tempat kerja	Cara per:
		L	P						
1									
2									
3									
4									
5									
6									
7									
8									
9									
10									

2.2.2. Perpindahan ahli-ahli keluarga :

No.	rujukan	perpindahan	ragam

2.3. Apakah bentuk perhubungan yang ada antara anda dengan ahli keluarga yang telah pindah itu? (umpamanya selalu pulang/berutus)

- i).....
 ii).....
 iii).....

2.4. Adik beradik responden :

2.4.1. Bilangan adik beradik :.....orang

2.4.2. Analisa adik beradik:

bil	Pertalian	Umur		Alamat	Pekerjaan	Kekerapan	berziarah
		L	P				
1							
2							
3							
4							
5							
6							

3.0. Latar belakang ekonomi:

3.1.1. Milikan tanah:

Jenis	Luas	Guna tanah	Pengusaha
Belian sendiri			
Berkongsi dengan ahli keluarga			
Berkongsi dengan orang lain			
Pusaka			
Lain-lain			

3.1.2. Milikan lain-lain:

Jenis	Saliz
Rumah	
Ternakan	
Perniagaan	

4.0. Kemasyarakatan:

4.1. Sekiranya anda telah pernah keluar merantau kenapakah anda balik kekampung ini?.....

4.2. Siapakah jiran anda yang paling hampir?

- a. saudara adik beradik
- b. saudara jauh
- c. saudara sesuku
- d. kawan dari kecil
- e. lain-lain

4.3.1. Adakah terdapat apa-apa pergerakan di kampung ini?

- a. 0 1 2 3 4 dan lebih
- b. tiada tahu

4.4. Apakah perasaan anda tinggal dikampung ini?

- a. baik dalam semua hal
- b. baik untuk tempat tinggal saja.
- c. baik untuk tempat mencari nafkah saja
- d. kurang selesa
- e. lain-lain.....

4.5.1. Adakah rumah anda mendapat bekalan letrik? Ya/tidak

4.5.2. Adakah anda memiliki :

- i) Radio
- ii) T.V.
- iii) Kereta
- iv) Motosikal
- v) basikal

Ada	tiada

- 4.5.3. Jika ada T.V. biasakah jiran anda menonton di rumah anda?
- a. setiap malam
 - b. selalu
 - c. kadang-kadang
 - d. jarang-jarang
 - e. tiada
- 4.6. Jika anda menghadapi masalah kepada siapakah anda mula-mula minta pertolongan?
- a. saudara mara
 - b. saudara sesuku
 - c. jiran tetangga
 - d. kerajaan
 - e. lain-lain.....
- 5.0. Kesan dan penyesuaian:
- 5.1.1. Adakah sesiapa daripada keluarga anda yang telah keluar merantau? Ya/tidak.
- 5.1.2. Kalau ada bagaimana pendapatannya sekarang?
- a. seperti biasa
 - b. bertambah banyak
 - c. merosot
 - d. tiada tetap
 - e. tiada tahu
- 5.1.3. Bagaimana tentang taraf/pangkatnya?
- a. seperti biasa
 - b. bertambah tinggi
 - c. bertambah rendah
 - d. tiada tahu
- 5.2.1. Apakah perasaan anda apabila anak anda keluar merantau untuk bekerja? Suka biasa Sedih Sungi Keciwa
- 5.3.1. (Kalau ada mengerjakan sawah) Bagaimana tentang kerja mengurus sawah anda semenjak anak anda merantau?
- a. seperti biasa
 - b. diupahkan pada orang lain
 - c. disewakan sebahagian daripadanya.
 - d. disewakan semuanya
 - e. lain-lain

5.4.1. (Kalau ada kebun) Bagaimana tentang pengurusannya semenjak anak anda pergi merantau?

- a. seperti biasa
- b. diupahkan mengerjakannya pada orang lain
- c. disewakan sebahagian daripadanya
- d. disewakan semuanya
- e. lain-lain.....

5.4.2. Bagaimana tentang pendapatan daripada sawah anda semenjak anak anda merantau?

- a. bertambah banyak
- b. merosot
- c. seperti biasa
- d. tiada tetap lagi
- e. lain-lain.....

5.4.3. Bagaimana tentang pendapatan dari kebun anda itu?

- a. seperti biasa
- b. bertambah banyak
- c. berkurangan
- d. tiada tetap lagi
- e. lain-lain.....

5.5.1. Adakah anda pernah melawati anak anda ditempat kerjanya?
Ya/tidak

5.5.2. Kalau ada apa pandangan anda tentang tempat itu?.....
.....

5.6.1. Apakah jiran anda membantu anda dalam kesusahan? Ya/tidak

5.6.2. Kalau ya apakah bentuk bantuan itu?

- a. persendirian
- b. tabung kebajikan
- c. Lain-lain

5.7.1. Adakah anda pernah menyarai jiran anda untuk membantu anda dalam kerja anda seperti bersawah? Ya/tidak

5.7.2. Kalau ya siapa dia yang selalu datang?

- a. siapa saja yang lapang
- b. saudara mara saja
- c. jiran dekat rumah
- d. lain-lain.....

5.8.1. Adakah permainan ini popular dikampung ini dahulu?

i. gasing	ia	tidak
ii. layang-layang		
iii. sepak raga		

5.8.2. Adakah permainan dibawah ini popular disini sekarang?

i. gasing	ia	tidak
ii. layang-layang		
iii. sepak raga		
iv. badminton		

5.9.1. Jika anda sakit kemana anda berubat?

- a. doktor kerajaan
- b. doktor swasta
- c. dukun
- d. tiada tentu bergantung pada sakit.
- e. lain-lain.....

5.10. Jika anda dan keluarga anda memerlukan hiburan apakah yang biasa anda buat?

- i. menonton wayang
- ii. berkelah ditepi laut
- iii. makan angin di-bandar
- iv. lain-lain.....

5.11. Adakah anda atau keluarga anda memasuki kumpulan silat atau tari piring? Ya/tidak.

5.12. Dari mana anda dapatkan bekalan barang-barang berikut :

- a. senduk
- b. nyiru
- c. tapisan
- d. tikar mikar
- e. bakul

beli	usaha sendiri

5.13.1. Adakah majlis seperti syarahan agama/terajuh dan lain-lain yang bersangkutan dengan ibadat diadakan dikampung ini?

- a. setiap minggu
- b. setiap bulan
- c. 2 kali sebulan
- d. kadang-kadang
- e. jarang-jarang

5.13.2. Adakah anda menghadirinya?

- a. setiap kali ia diadakan.
- b. setiap kali ada masa lapang.
- c. kadang-kadang
- d. jarang-jarang
- e. tiada

5.13.3. Dimanakah anda dan ahli keluarga anda belajar mengaji (Muran)?

- a. disurau
- b. dirumah sendiri
- c. dirumah jiran
- d. disekolah
- e. tiada.

5.14.1. Selalukah anda mengadakan majlis khenduri?

- a. sekali sebulan
- b. sekali 6 bulan
- c. sekali setahun
- d. kadang-kadang
- e. tiada pernah

5.14.2. Siapakah yang kerap kali menjadi tamu anda?

- a. Ketua kampung
- b. datuk imam
- c. saudara mara
- d. jiran tetangga
- e. lain-lain

5.14.3. Apakah bentuk jamuan yang disediakan?

- a. minuman ringan
- b. jamuan nasi sederhana
- c. jamuan nasi besar-besaran

5.15.1. Adakah anda fikir kampung ini sesuai sebagai tempat bekerja muda mudi dikampung ini? Ya/tidak

Sebab.....

5.15.2. Jika tidak dimana tempat yang paling sesuai untuk mereka? (mengikut keutamaan) i.....

ii.....

iii.....

5.16. Apakah pandangan anda mengenai orang yang keluar merantau?

- a. beroleh keuntungan
- b. bertambah pendapatan
- c. bertambah pengalaman
- d. sama saja
- e. lain-lain.....

6.0. Space preference :

6.1.1. Adakah kemungkinan anda akan berpindah dari kampung ini? dalam masa :

	Ya	tidak	'belum tahu'
a. satu tahun dari sekarang			
b. dua tahun dari sekarang			
c. empat tahun dari sekarang			
d. pada bila-bila masa akan datang			

6.1.2. Kalau ada mempunyai kemungkinan untuk berpindah nyatakan tempat yang menjadi pilihan anda mengikut keutamaan:

- a.
 - b.
 - c.
- Sebab:.....

- 6.1.3. Adakah sesiapa yang anda kenali duduk ditempat itu sekaraang?
Ya/tidak.
- 6.1.4. Adakah anda mendengar berita dari sesiapa mengenai tempat itu?
Ya/tidak. Jika ia bagaimana.....
- 6.2.1. Adakah anda mahukan anak anda menetap ditempat ini? Ya/tidak.
Sebab.....
- 6.2.2. Jika tidak dimanakah tempat yang paling sesuai untuk anak anda?
(mengikut keutamaan) i.....
ii.....
iii.....
Sebab:.....
- 6.3.1. Berapa kerapkah anda ke bandar berikut dan apa tujuan anda kesana?
- | | |
|-------------------|-------------|
| a. Kajang..... | Tujuan..... |
| b. K. Lumpur..... | Tujuan..... |
| c. Seremban..... | Tujuan..... |
- 6.4. Jika anda memiliki segala keperluan dalam dunia ini dimanakah anda suka untuk tinggal?
.....
Sebab:.....

TERIMA KASIH

LAMPIRAN II

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN ILMU ALAM

Penduduk: Perpindahan dari kacamata suatu kampung; satu kes di-
sempadan Negeri Sembilan/Selangor.

(Soal selidik untuk dijawab oleh murid/penuntut yang akan berhenti
sekolah).

Nama Kampung:.....No. Sample:.....

1.0 Butir diri:

1.1 Jantina: Laki-laki/perempuan Umur:..... tahun.

1.2 Alamat sekolah:.....

1.3. Jauh sekolah dari rumah:.....bt. cara kesekolah:.....

1.4. Tingkatan sekarang:.....

1.5.1. Tinggal bersama siapa sekarang:.....

1.5.2. Pernahkah anda berpindah sebelum menetap ditempat sekarang?
Ya/tidak.

1.5.3. Jika ya nyatakan butirnya dibawah:

bil	Nama tempat	umur pada masa itu	lama tinggal	sebab berada disana.
1.				
2.				
3.				
4.				

2.0. Butir-butir keluarga:

2.1.1. Alamat bapa:..... umurnya:..... tahun

2.1.2. Pekerjaan bapa:..... Anggaran Pendapatannya:.....sebula

2.2. Tempat asal bapa:.....

2.3. Tempat asal ibu:.....

2.4. Nama tempat-tempat yang pernah didiami oleh bapa anda sebelum menetap ditempat sekarang.

bil.	Nama tempat	lamanya	pekerjaannya
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

2.5. Nama tempat-tempat yang pernah didiami oleh ibu anda sebelum menetap ditempat sekarang.

bil	Nama tempat	lamanya	pekerjaannya
1.			
2.			
3.			

2.6. Bilangan adik beradik anda:.....orang.

2.7. Keterangan adik-beradik yang tidak tinggal bersama-sama anda.

bil	umur	Jantina	alamatnya	sekarang	pekerjaannya
1.					
2.					
3.					
4.					

2.8. Bilangan adik-beradik bapa:.....orang

2.9. Butir-butir mengenai adik beradik bapa:

bil	umur	Jantina	alamatnya	pekerjaan	kerap berziarah
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
6.					
7.					

2.10. Bilangan adik-beradik ibu:..... orang. Tuliskan butir2-nya dibawah:

bil	umur	Jantina	alamatnya	pekerjaan	kerap berziarah
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
6.					

* Tulis samada : selalu, kadang-kadang, jarang-jarang, tidak pernah

3.0. Characteristics and attitude :

3.1. Hingga keperingkat apakah anda suka belajar?
MCE / SPM / MAKTAB / UNIVERSITI / LAIN-LAIN (sebutkan).....

3.2. Anda bercita-cita untuk menjadi apa?

Pilihan pertama :.....

Pilihan kedua :.....

3.3. Kenapa anda pilih kerja itu?

- a. dapat berkhidmat dalam bandar.
- b. dapat berkhidmat dimerata-rata tempat
- c. dapat berkhidmat di luar bandar
- d. dapat bekerja ditempat sendiri
- e. ramai kawan-kawan bekerja di sana.

3.4. Jika bekerja dibandar, bandar mana yang menjadi pilihan anda?

Senaraikan mengikut kesukaan anda.

1..... 2..... .. 3.....

3.5. Adakah anda suka untuk bekerja dikampung ini selepas tamat sekolah? Ya/tidak Sebab:.....

3.6. Adakah anda akan terus tinggal dikampung ini? Ya/tidak/
belum tahu. Sebab:.....

3.7. Adakah kemungkinan anda akan berpindah dalam masa :

- | | |
|-------------------------------------|-----------|
| i. satu tahun dari sekarang | Ya/ tidak |
| ii. dua tahun dari sekarang | Ya/ tidak |
| iii. empat tahun dari sekarang | Ya/tidak |
| iv. pada bila-bila masa akan datang | Ya/ tidak |

- 3.8.1. Jika ada kemungkinan untuk berpindah dari kampung ini, nyatakan tempat-tempat yang menjadi pilihan anda menurut keutamaan :
- i....., ii....., iii.....
iv....., v.....
- 3.8.2. Adakah sesiapa yang anda kenali duduk ditempat itu sekarang? Nyatakan pertaliannya dengan anda.
Ya/tidak. Pertalian:.....(saudara, kawan, dll)
- 3.8.3. Adakah anda mendengar berita dari sesiapa mengenai tempat itu? Ya/tidak. Jika ya dari mana:.....
- 3.9. Dimanakah anda pilih sebagai tempat tinggal apabila bekerja?
- dikampung dan berulang ketempat kerja
 - ditempat kerja itu sendiri
 - dikampung yang paling hampir dengan tempat kerja
 - dibandar yang paling hampir dengan tempat kerja.
- 3.10. Dimanakah anda pilih sebagai tempat tinggal apabila tua?
- balik kekampung asal
 - dibandar tempat bekerja
 - dikampung tempat saudara mara tinggal
 - dimana-mana sahaja asal di bandar.
- Kenapa anda pilih tempat itu?.....
- 3.11. Apabila memilih tempat tinggal siapakah yang akan anda bawa berunding?
- ibu bapa
 - saudara mara
 - sahabat handai
 - rakan sekerja
 - pilih sendiri
- 3.12. Jika anda memiliki segala-galanya dalam dunia ini dimanakah anda suka untuk tinggal?.....
Kemapa?.....

LAMPIRAN III

DESTINASI PERPINDAHAN KETUA KELUARGA
MENGIKUT NEGERI DAN PETEMPATAN

NEGERI SEMBILAN:	54 (49.1%)	PERAK:	6 (5.4%)
Kampung Dacing	32 (29.1%)	Ipoh	2 (1.8%)
Lenggeng	7 (6.4%)	Tanjung Malim	1 (0.9%)
Seremban	5 (4.5%)	Bidor	1 (0.9%)
Port Dickson	3 (2.7%)	Batu Gajah	1 (0.9%)
Jekebu	2 (1.8%)	Taiping	1 (0.9%)
Bahau	2 (1.8%)	JOHOR:	3 (2.7%)
Mantin	1 (0.9%)	Johor Baharu	1 (0.9%)
Sungai Mahang	1 (0.9%)	Keluang	1 (0.9%)
Kuala Pilah	1 (0.9%)	Renggam	1 (0.9%)
SELANGOR (termasuk Wilayah Persekutuan)	39 (35.5%)	PAHANG:	1 (0.9%)
Beranang	6 (5.4%)	Temerloh	1 (0.9%)
Kuala Lumpur	16 (14.5%)	KEDAH:	1 (0.9%)
Kuala Kubu	5 (4.5%)	Alor Star	1 (0.9%)
Tanjung Karang	3 (2.7%)	MELAKA:	1 (0.9%)
Kajang	2 (1.8%)	Melaka	1 (0.9%)
Ulu Langat	2 (1.8%)	PERLIS :	1 (0.9%)
Salak	2 (1.8%)	Arau	1 (0.9%)
Klang	2 (1.8%)	KELANTAN:	1 (0.9%)
Semenyih	1 (0.9%)	Kota Baru	1 (0.9%)
Sungai Besi	1 (0.9%)	SARAWAK:	1 (0.9%)
		Kucing	1 (0.9%)
		SINGAPURA:	2 (1.8%)

Sumber: Kajilidik Ogos - September 1975.

LAMPIRAN IV

DESTINASI AHLI KELUARGA YANG TIDAK HADHIR
MENGIKUT NEGERI DAN BANDAR

WILAYAH PERSEKUTUAN	35 (38.9%)	PAHANG	5 (5.6%)
Kuala Lumpur	26	Kuantan,	2
Pucung	4	Jerantut	1
Sungai Way	2	Rompin	1
Sungai besi	2	Jengka	1
Petaling	1	JOHOR	4 (4.4%)
SELANGOR	19 (21.1%)	Johor Baru	2
Beranang	7	Keluang	1
Petaling Jaya	4	Segamat	1
Kelang	2	PERAK	2 (2.2%)
Kajang	1	Ipoh	2
Rawang	1	PERLIS	1 (1.1%)
Sungai Cu	1	Arau	1
Salak	1	PULAU PINANG	1 (1.1%)
Serdang	1	Georgetown	1
Sungai Besar	1	SARAWAK	1 (1.1%)
NEGERI SEMBILAN	19 (21.1%)	Kucing	1
Seremban	9	SABAH	1 (1.1%)
Lenggeng	3	Kota Kinabalu	1
Ulu Beranang	2	SEBERANG LAUT	2 (2.2%)
Pasir Besar (Gemas)	2	Indonesia	1
Tampin	1	Australia	1
Bahau	1		
Gemas	1		

Sumber : Kajilidik Ogos - September 1975.

BIBLIOGRAFI DAN RUJUKAN

Abdul Maulud Yusof (1970), " The Impact of Urbanization on the Social Structure of Tradition ", Geographica, pp. 84 - 90.

Abdul Samad Idris (1968), Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu, Kuala Lumpur.

Al-attas, Syed Muhammad Naguib, (1972), Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Barton, Thomas F., (1965), " Rural and Urban Dwellers of Southeast Asia ", Journal of Geography, March, pp. 113 -122.

Bedford R.D., New Habridean Mobility : A Study of Circular Migration, Research School of Pacific Studies, Dept. of Human Geography Aust. National University 1973.

Bogue, Donald J., Principles of Demography, John Wiley and Sons, Inc. (1969).

Browning, Harley L., Some consequences of migration on the class structure of communities of origin and of Destination in Latin America. Iussp International Population Conference, 1973.

Cooper, E., (1951), " Urbanization in Malaya ", Population Studies, November, pp. 117 - 131.

Crist, Raymond E., (1961), Population Changes in Two Rural-Villages of Southern France. The Oriental Geographer, The East Pakistan Geographical Society, Dacca, Pakistan., Januari pp. 35 - 40

Fauziah Che Ali, (1974), Masalah Setinggan di Kuala Lumpur dengan tumpuan khas di Kampung Kinabalu Kg. Keramat. Jabatan Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fryer, D.W., (1970), Emerging Southeast Asia: A study in Growth and Stagnation, London, George Philip and Son, Ltd.
- Hamsah Sendut, (1961), " Problems of Rural-urban Migration ", Community Development Bulletin, December, pp. 436 - 439.
- _____ (1962), " Patterns of Urbanization in Malaya " Journal of Tropical Geography, October, pp. 114 - 130.
- _____ (1964), " Urbanization " in Wang Gungwu (ed), Malaysia : A Survey, New York Praeger and Pall Mall Press pp. 82 - 96.
- _____ (1965), " Some aspects of Urbanization in Malaysia ", Hemisphere pp. 8 - 12.
- Hauser, Philip M. (ed)(1957), " Urbanization in Asia and Far East ", Calcutta : U.N.E.S.C.O., Research Centre on the Social Implication of Industrialization in Southern Asia.
- Hooker, M.B. (et al), Readings in Malay Ad-t Laws , Singapore University Press, 1970.
- Jackson, R.N. (1960), Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786 - 1920. A Historical Monograph
- Josselin de Jong, Jan Petrus Benjamine, (1952) Minangkabau and Negeri Sembilan Socio-Political Structure in Indonesia. The Hague.
- Katiman Rostam (1975), Mobiliti Bumiputra yang Berpendapatan Rendah. Satu kes Kajian di kawasan Perumahan Harga Murah, Kampung Pandan Dalam, Kuala Lumpur.
- Jabatan Ilmu Alam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Pesuruhjaya Ibu-kota, Kuala Lumpur, (1969). Report on Squatters in Kuala Lumpur.

Keown P.A., (1971), The Career Cycle and The Stepwise Migration Process. New Zealand Geographer, vol. 27.2, Oct 1971.

Lee Boon Thong, (1973), " Population Mobility Patterns : A Study of the Jalan Pekeliling Flats, Kuala Lumpur ", ILMU ALAM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bilangan 2, pp. 25 - 34.

Lindberg, John S. 1930 The Background of Swedish Emigration to the United States : An Economic and Sociological Study of the Dynamics of Migration. University of Minnesota Press, Minneapolis.

Mabogunje, Akin L, (1968), Urbanization in Africa. University of London Press.

—————(1972), Regional Mobility and Resources Development in Afrika, Publication for the Centre for the Developing - Area Studies, Mc Gill's Queen's University Press.

Malaysia, 1971. Rancangan Malaysia Kedua, 1971 - 1975. Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.

Mazidah binti Raja Mohd Ali, Corak Perpindahan Orang-orang Melayu (Bumiputra) : Satu Kajian 'Case' di kawasan perumahan Taman Setapak Bahagian Keempat, Kuala Lumpur. Jabatan Ilmu Alam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mc Gee, T.G. (1967) " The Southeast Asian City : A Social Geography of the Primate Cities of Southeast Asia, N. York, Praeger.

Mc Gee T.G. (1971), The Urbanization Process in the Third World : Exploration in Search of - Theory, London G.Bell and sons.

Mokhtar Naim (1972), Merantau : Causes and Effects of Minangkabau Voluntary Migration, Institute of Southeast Asian Studies Publication.

Ooi Jin Bee (1968), Bumi Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

—————(1975) Urbanization and the urban Population in Peninsular Malaysia 1970. Journal of Tropical Geography. Vol. 40 Jun, pp. 40 -46.

Petersen, William. Population (2nd Ed). Macmillan Co. 1969.

Pryor R.J. (1971) Internal Migration and Urbanization, Monograph Series, Geog. Dept. of James Cook University.

—————(1973) " The Changing Settlement System of West Malaysia ". Journal of Tropical Geography 37, December.

—————(1974). Spatial Analysis of Internal Migration West Malaysia, Monograph Series, Geography Department, James Cook University Number 5.

Ravenstein, E.G. (1885) " The Law of Migration ", Journal of Royal Statistical Society, Vol. 48 pp. 241 - 305.

Redford, A., 1926. Labour Migration in England 1800 - 1850, London.

Rowland, D.T. (1972) Maori Migration to Auckland. New Zealand Geographer, Vol. 27(1) April pp. 21 - 37.

Saville, J., (1957)., " Rural Depopulation in England and Wales , 1851 - 1951. London.

Shamsul Baharin, Tunku, 1965. " Indonesian Labour in Malaya"
Kajian Ekonomi Malaysia II,1. pp. 53 - 70

_____ (1967) " The pattern of Indonesian Migration and Settlement in Malaya ". Asian Studies, 5,2, pp. 233 - 257.

_____ (1970) The Indonesian Immigrants and the Malays of West Malaysia : A study of Assimilation and integration " Geographica, 6, pp. 1 - 12.

Stouffer, S.A. 1960). Intervening Opportunities and Competing Migrants, Journal of Regional Science Vol. 2, No. 1.

Tan Lam Lin (1966). The Regional Influence of Kuala Lumpur, Geographica, Vol. 2. Geographical Society, University of Malaya Kuala Lumpur.

Zelinsky, Wilbur, (1971). " Hypothesis of the Mobility Transition " Geographical Review Vol. LXI No. 2 April. pp. 219 - 249/